

# NADI Insan

JULAI 1980  
KDN 0049/80  
ISSN 0126-9364

See Back Page


## MEDIA CETAK DICEKEK?

- M. Noor Azam: Media Cetak & Cabaran Masa Kini
- Sekatan Terhadap Aliran Penerangan
- Cerpen: Bedah Pelayan
- Gaji Baru: Isi Lemak Kepada Siapa?



# Kad Hari Raya Aidilfitri

(Lukisan Wajah Nahle, Allahu Akbar, saiz: 7" x 5" serta sampul)



## PESAN MELALUI POS

Hanya \$2 untuk 5 kad pertama,  
dan \$1 untuk setiap 3 kad seterusnya.

Alamat INSAN: Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

# NADI insan

BILANGAN 15

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)  
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.  
Redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud,  
Dr. Jomo K.S., C. Ng, Rohana Ariffin.  
Pelukis : Jaseni, Lim, H.S. Chia.  
Pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.

JULAI 1980

pena penyunting	2
surat dari pembaca	3
wawancara nasional	4 Pak Khir—Mendahului Zaman? 9 Media Cetak Dan Cabaran Masa Kini
antarabangsa	13 Kawalan Terhadap Media Cetak
falsafah hidup	15 Aliran Penerangan Antarabangsa Disekat 17 Jangan Menilai Seseorang Berdasarkan Sangkaan
ekonomi	18 Kenaikan Gaji Pekerja Kerajaan
seni	20 Ousmane Sembene
perubatan	22 Darah Tinggi
buku	25 Sasterawan Gigih
kartun	26 Al-Kisah Kapitalisme
sajak	32 Lumpuhnya Sebuah Kesatuan 33 Saksama
cerpen	34 Bedah Pelayan
filem	40 The Front Page

Pada satu ketika dahulu, Pak Khir Johari pernah dianggap sebagai tokoh UMNO, malah sebagai bakal Perdana Menteri di setengah kalangan. Setelah Mei 1969, bintangnya kurang cerah, tetapi pada penghujung tahun 70an, beliau sudah timbul semula sebagai pengkritik liberal dalam UMNO sendiri, misalnya melalui peranannya sebagai pengarang urusan akhbar mingguan Watan.



Kenaikan tangga gaji bagi pekerja-pekerja kerajaan telah mendapat sambutan dingin di kalangan ramai. Mengapa? Ada yang bimbang bahawa langkah ini akan memperhebat kadar inflasi yang dihadapi kini. Ulasan Suria Hamid jelas menunjukkan bahawa pegawai-pegawai kanan akan menikmati isi lemak kenaikan ini, sedangkan tulang bulu akan pulang kepada orang lain pula.



Dalam sebuah ucapan yang tajam, Sdr. Mohd. Noor Azam pernah mengulas kedudukan dan peranan media cetak di negeri ini. Dengan sukacitanya, pihak Nadi Insan mempersembahkan teks ucapan penting itu kepada orang ramai. Di samping itu, sebuah rencana lain menghuraikan jenis-jenis sekatan yang dihadapi oleh media cetak pada masa kini.



Masalah 'aliran penerangan' tidak hanya menghadapi cabaran pada peringkat nasional tetapi juga pada peringkat antarabangsa. Lapurannya menghuraikan hubungan-hubungan penerangan tak saksama—yang menolong mengekalkan struktur pergantungan dan eksploitasi terhadap Dunia Ketiga—yang dibincangkan dalam keluaran NI ini oleh seorang pengarang Afrika.

**JIMATKAN WANG**

**NADI TERUS KE RUMAH ANDA**

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00  
Anda menjimatkan .50s \$2.00

## BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat \_\_\_\_\_

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:  
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Di Luar Negeri Mel Mel  
Biasa Udara

Asia Tenggara	MS16	MS24
Asia Selatan, Asia Timur, Australia New Zealand	MS16	MS28
Timur Tengah, Eropah	MS16 ( 4 )	MS36 ( £ 9 )
Afrika, Amerika	MS16 (US\$8)	MS44 (US\$22)

(Langganan Setahun)

# Pena Penyunting

Salam bahagia kepada saudara sekalian. Terlebih dahulu biarlah kami lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih ke atas teguran saudara mengenai berbagai-bagai aspek keluaran NI. Walaupun kami tidak dapat menukarkan kesemuanya (maklum sajarah) kami akan sentiasa berusaha untuk memberi penganalisaan dan penjelasan yang bebas dan adil.

Kenaikan gaji sudah pun mendapat perhatian. Malangnya ramai merasa gelisah. Memang benar sesuatu tindakan tidak dapat memuaskan semua golongan. Tetapi penganalisaan menunjukkan bahawa golongan yang beruntung adalah golongan yang sudah untung! Apa pula dengan nasib golongan nelayan dan petani? Bolehkah kita kaitkan 'semakan murah hati' ini dengan pergolakan yang berlaku antara MTUC dengan CUEPACS untuk memikat hati CUEPACS?

Sepanjang keluaran kami, kami telah mengemukakan berbagai-bagai aspek perkembangan masyarakat. Tibalah

masanya kita mengkaji bersama peranan penerbitan dan kewartawanan yang selama ini telah mempengaruhi pemikiran rakyat jelata. Kita juga ingin mengetahui berapa bebaskah akhbar-akhbar dan majalah tempatan dan prinsip atau etika apa yang digunakan. Justru itu kita juga tertanya-tanya sama ada pengaruh luar menjadi tekanan yang besar terhadap nilai berita dan penganalisaan di dalam sesuatu penerbitan itu.

Saudara Noor Azam selaku ketua pengarang Dewan Masyarakat telah memberi pendapatnya dengan lebih lantang lagi terhadap perkara ini. Kami percaya beliau telah berjaya mengesan nadi pergolakan kewartawanan dan penerbitan. Dengan adanya penjelasan yang seperti ini, kita menjadi lebih matang di dalam aspek sebaran am dan pancoraba yang harus diharungi sekira wartawan ingin berkhidmat kepada masyarakat dengan penuh kejujuran dan keinsafan.

Kami juga berpeluang berwawancara dengan YB Khir Johari, lebih dikenali dengan nama Pak Khir. Beliau telah mengharungi sejarah perkembangan politik negara kita, dan wajarlah sekiranya kita mengikuti pendapatnya terhadap politik yang lepas, masakini dan masa depan.

Rasalah degup  
Jantung rakyat,  
bacalah

## **NADI Insan** HANYA SERINGGIT

### **Keluaran lepas:**

#### **JUN/14**

- Michael Chen: Down, But Not Out
- Perkampungan Baru Selepas 30 Tahun
- Kemerdekaan Zimbabwe

#### **MEI/13**

- V. David: Undang-Undang Buruh
- Keganasan Senyap Di Tempat Kerja
- Perjuangan Bangsa Moro

#### **APRIL/12**

- Syed Kechik, Harta Banyak, Cita Besar
- Revolusi Hijau & Penanam Padi
- Keganasan Di Timor Timur

#### **MAC/11**

- Khatijah Sidek; Julie Christie
- Nasib Wanita Masakini
- Kedudukan Buruh Bertambah Buruk

#### **FEBRUARI/10**

- Seni Khat: Wajih Nahle
- Perusahaan Awam: Pagar Makan Padi?
- Dalang Soviet Di Afghanistan

#### **JANUARI/9**

- Wawancara: Aziz Ishak
- Keadaan Buruk Di Bank Buruh
- Harta Shah & Pergolakan Di Iran

#### **DISEMBER/8**

- Wawancara: Anwar Ibrahim
- Belanjawan Negara '80
- Pelabuhan Kuantan.

#### **NOVEMBER/7**

- Yasmin Yusof; Hassan Ibrahim
- Masalah: Pekebun Kecil; Perumahan
- Peristiwa: Baling, Sg. Udang, Lubok Kundang

#### **OKTOBER/6**

- S.M. Mohd. Idris; Dr. Burhanuddin
- Kanak-Kanak: Nasib Generasi Depan
- Dasar Luar Negara China

#### **SEPTEMBER/5**

- Wawancara: Dr. Mahathir
- Setinggalan Di Kota
- Libya: Islam Dan/Atau Soskalis

#### **OGOS/4**

- Wawancara: Jlns Shamsuddin
- Harga Minyak Meningkatkan: Siapa Untung?
- Perjuangan Di Selatan Afrika

#### **JULAI/3**


- Wawancara: Usman Awang
- RM3: Siapa Untung, Siapa Rugi
- Tenaga Suria - Pesaka Umum

#### **JUN/2**

- Wawancara: Ungku Aziz
- Pergolakan Di IndoChina
- Awasi Bahaya Di Tempat Kerja

#### **MEI/1**

- Wawancara: Tunku Abdul Rahman
- 13 Mei 1969 Dalam Kenangan
- Iran Selepas Shah; Bhutto.



## KELEMAHAN SEBARAN AM

M. Daud Kassim, Petaling Jaya, Selangor: Tulisan Sdr. Mohd Ali Hanafiah, *Dasar Luar Cina* (N.I. Oktober 1979) adalah menarik sekali. Sdr. Mohd Ali di samping mengutamakan pendapat pihak-pihak yang mempersoal serta meragui 'teori tiga dunia telah juga mengambil kesimpulan . . . bahwa kita harus mengkaji dan menganalisa keadaan dunia dari kaca mata kita sendiri.'

Dalam hal ini saya kira tulisan Nuruddin Farah, iaitu seorang novelis Somalia, dalam akhbar *The Guardian* (U.K.), 24 Dis. 1979, harus mendapat perhatian kita semua oleh kerana ianya merupakan satu usaha yang hampir ke arah apa yang dirumuskan oleh Sdr. Mohd Ali tadi.

Pendapat serta penganalisaan novelis ini mungkin dibuat berdasarkan pengalaman beliau sebagai seorang rakyat Somalia khususnya, dan Afrika amnya. Namun demikian, pada hemat saya, beberapa perkara yang telah beliau timbulkan itu sedikit sebanyak dapat menjadi bahan bagi kita meluas serta memperkayakan pengertian kita tentang keadaan dunia dewasa ini.

Bagi munafaat peminat-peminat N.I. yang mungkin tidak berpeluang membaca akhbar *The Guardian*, bersama-sama surat ini saya

sertakan tulisan beliau itu yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Semoga pihak tuan dapat menyiarkannya. Sebarang kecacatan yang mungkin terdapat dalam terjemahan ini adalah menjadi tanggungjawab saya. Sekian.

## NADI INSAN TAK SAMPAI

L.H. Yong, Kuala Lumpur: Saya ingin memberitahu mengenai kelambatan tuan menghantar majalah

lah Nadi Insan. Pada bulan lepas saya telah menghantar sekeping kiriman wang berjumlah sebanyak tujuh ringgit kepada tuan untuk melanggan majalah selama setahun mulai dengan keluaran pertama ke alamat di Perak. Akan tetapi sehingga hari ini saya belum lagi menerimanya. Saya harap tuan akan semak kembali mengenai perkara di atas. Saya ucapkan ribuan terima kasih. Salam dari saya.

E.H. Hong, Kuala Lumpur: I am one of Nadi Insan's subscribers, and I am sorry to say that the October and November issues have not reached me yet. I suppose they must have been misaddressed or lost. Will you kindly check your records? Thank you.

*Sidang Redaksi: Teguran saudara telah pun kami terima dan kami telah menghubungi pihak pejabat pos untuk mendapatkan penjelasan. Kami meminta maaf dan berharap perkara seperti ini tidak akan berulang lagi.*

# NADI Insan

## Tawaran Istimewa: Khas untuk pelajar

**Borang Langganan**

Nama & Alamat \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

8 bulan       9 bulan

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:  
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Langganan 8 atau 9 bulan  
\$7.00 untuk 8 bulan  
\$7.50 untuk 9 bulan  
Terus ke alamat anda.

# PAK KHIR: Mendahului Zaman

## Zaman Jepun

NI : *Mengapa Pak menjadi ahli politik?*

KJ : Ini terbit daripada apa yang telah berlaku pada masa peperangan kedua semasa saya masih muda remaja. Saya tertarik kepada propaganda Jepun pada masa itu yang mengatakan kita akan membina *Asia untuk orang Asia*. Pada masa itu juga saya banyak baca suratkhbar, terutama sekali dari India, di mana saya telah melihat perjuangan orang India dalam soal kemerdekaan tanahair mereka itu—golongan Chandra Bose, Nehru dan sebagainya. Jadi, apabila cogan itu disebutkan oleh Jepun saya memang tertarik benar. Jadi mulailah saya menyokong perjuangan Jepun itu. Jadi saya pun menjadi salah seorang yang terpilih untuk menjalankan kursus/latihan sebagai penganjur yang dijalankan oleh Jepun pada masa itu.

NI : *Pada masa itu siapakah orang-orang tempatan lain yang masuk sama dengan perjuangan Pak?*

KJ : Tiap satu negeri lima orang. Juga di Indonesia. Indonesia dan Malaysia campur sekali. (Saya *second batch*) yang *batch* pertama, Tun Razak, Raja Mohar terlibat juga. Dalam *batch* saya, Tan Seri Mohd Jamil, iaitu rakan saya daripada sekolah, Syed Barakbah—Hakim, Tan Sri Aziz Zain, yang keempat sudah mati, yang kelima saya sendiri. Kami dipilih dari negeri Kedah untuk menjalani kursus ini di Singapura. Daripada yang dipilih itu banyak yang muncul kemudian, aktif dalam politik dan sebagainya. Begitu juga di Indonesia—yang terpilih, yang saya tahu, banyaklah yang menjadi ahli perjuangan di Indonesia. Tapi, selepas itu, apabila melihat kekejaman-kekejaman yang telah dibuat oleh Jepun kita mulai berubah sikap. Tapi pada masa itu kita terpaksa waspada kerana kalau salah langkah, kita akan masuk ke dalam. Pada masa itu, tak boleh kita buat politik. Pada masa itulah Tan Sri Mohd Jamil, saya dengan Senu memikirkan bagaimana merancang perjuangan kami.

## Seberkas

Kami berlindung di sebalik sebuah syarikat yang diberi nama *Seberkas*. Jadi kita ambil ahli-ahli kita daripada kaum tani, misalnya. Mula-mula sekali kita masuk mendapat sokongan daripada

kaum tani. Ahli-ahli kita terpilih. Kita tidak mahu ahli-ahli dari segi bilangan, tetapi dari segi kualiti.

NI : *Kebanyakan ahli daripada kaum tani atau cerdik-pandai?*

KJ : *Basenya* kaum tani, tetapi *leadership*nya datang dari kamilah.

NI : *Seberkas ini terhad kepada negeri Kedah?*

KJ : Ya.

NI : *Siapa dalam pucuk pimpinan?*

KJ : Kamilah. Saya, Senu dan Tan Sri Ahmad Jamil.

## Melayu Raya

NI : *Masa itu ada tak kaitan orang-orang tempatan kita dengan pemimpin Indonesia?*

KJ : Masa itu juga, kami menemui dengan Ahmad Boestamam, Dr. Burhanuddin dan Pak Sako, dan daripada perbincangan nampaknya, mereka lebih tertarik dengan menjadikan Melayu Raya. Tapi kami memang tak setuju dengan itu. Kami lebih suka biarlah. Untuk memperjuangkan kemerdekaan tanahair biar kami yang menjalankan ini tidak soal nak menjadi Melayu Raya. Lepas itu, masa BMA, mereka masuk bersama berjuang dengan Parti Komunis yang masa itu dihalalkan lagi. Mereka itu berdamping. Kami berbaik saja, tapi tidak berdamping. Bila mereka menjemput kami, misalnya ke jamuan teh, kami hadir. Kami tidak yakin dengan perjuangan mereka itu dan kami selalu soalkan adakah mereka menggunakan kami untuk perkasas mereka. Suatu masa nanti kami akan habis begitu sajalah.



Pak Khir bersalam dengan Pak Sako

Pada masa itu, ada MNP (PKMM) dan API. Tetapi dialog kami dengan orang MNP masih berjalan dan kami telah tubuhkan UMNO dan kemudian kami telah memujuk mereka itu untuk masuk ke dalam UMNO. Tetapi mereka itu sudah bangkit semangat anti-feudal dan mereka tak bersetuju. Kami menyatakan patut kami masuk sekali. Kita menarik orang Melayu untuk memikir. Lebih baik kami berjuang di dalam daripada di luar. Kami terus menjadi ahli bergabung UMNO. Kami kekalkan identity kami sebagai parti politik yang asing—Seberkas.

NI : *Sehingga bila?*

KJ : *Sehingga saya menjadi Setiausaha Agung (UMNO).*

NI : *Selepas Tunku dipilih menjadi Yang Dipertua UMNO dalam tahun 1951, apa jawatan yang dipegang oleh Pak Khir?*

KJ : *Lepas tahun 1953, saya dipelawa menjadi Setiausaha Agung.*

NI : *Pada masa Seberkas itu bagaimana pula dengan orang seperti Datuk Syed Ahmad, Dr. Mahathir?*

KJ : *Dia Persatuan Melayu Kedah. Lain.*

NI : *Apa perbezaan dari segi prinsip?*

KJ : *Kepada kami, mereka itu konservatiflah. Kami progresif.*

**Biarkan rakyat menimbang betul-betul atau tidaknya. Dengan cara itu, dapat kita membinakan dasar yang sihat, fikiran yang sihat di kalangan orang-orang kita.**

#### Dasar Pelajaran & Bahasa

NI : *Semasa Pak Khir menjadi Menteri Pelajaran, apa falsafah yang Pak gunakan untuk menjadi dasar pelajaran?*

KJ : *Saya menerima jawatan itu daripada Tun Razak pada kebetulannya—31 Ogos tahun 1957, hari kemerdekaan. Dan Tun Razak ialah yang telah menjadi akitek pada Dasar Pelajaran Baru untuk Malaya merdeka pada tahun 1955—Razak Report. Jadi saya menerima tugas penting untuk dijalankan. Dia yang membuka jalan.*

Jadi pada masa itu, memanglah perasaan syak prasangka, *suspicion* untuk kita *implement* polisi yang baru. Kita nak menjadikan bahasa Melayu sebagai teras bahasa kepada dasar pelajaran itu. Itu tugas yang pertama sekali. Jadi dalam pada itu, keadaan yang kita telah mewarisi daripada orang putih dulu, iaitu kita mempunyai dasar pelajaran yang benar-benar dalam keadaan kucar-kacir kerana kita ada sekolah Cina, bukan saja di peringkat rendah tetapi juga di peringkat menengah; sekolah India memang rendah saja. Jadi yang utama ialah sekolah Inggerislah. Jadi bahasa Malaysia kita ini mengambil tempat sebagai satu subjek saja. Jadi



Pak Khir sedang menerima cek dari wakil Pertubuhan Wanita British di Malaysia, Puan.Barn

nak tukarkan satu dasar corak kolonial kepada corak kebangsaan, itu memanglah suatu soal yang sukar sekali. Dan terutama sekali dari segi sekolah Cina. Mereka tidak mahu nak *convertkan status* mereka kepada apa yang dikatakan sekolah jenis kebangsaan. Memang sekolah Cina 100% tidak mahu menerima dasar itu. Jadi saya menerima oposisi yang begitu kuat daripada mereka itu. Jadi masa itu, berlaku rusuhan di sekolah-sekolah Cina yang diluak-luakkan, dikipaskan oleh pihak Cina yang *extremis*. Mereka melaungkan bahawa kalau menerima dasar ini, maka hapuslah bahasa Cina dan kebudayaan Cina dalam tanah Melayu kita masa itu. Itu yang dimainkan yang betul-betul masuk ke dalam hati orang Cina. Jadi itu oposisi yang pertama yang saya terima. Oleh itu terpaksa menjalankan pindaan-pindaan secara diplomatik tapi juga secara kerasan untuk berlawan dengan rusuhan-rusuhan yang berlaku di rata tempat—di Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka.

Yang kedua saya menghadapi satu lagi *extreme* iaitu mengubahkan langsung semua sekali dengan serta-merta daripada bahasa Inggeris untuk menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah menengah. *So*, macam mana saya nak *reconcile* ini? Ini satu yang *extreme*, yang ini satu lagi yang *extreme*. Dan memang saya faham, kalau saya buat juga, rosak langsung segala/sistem pelajaran pada masa itu. Macam mana kita boleh ubahkan dengan sekelip mata? Memang soal guru. Bagaimana kita boleh ada guru untuk mengajar di sekolah menengah? Tidak ada. Jadi saya menerima, terutama dari guru Melayu, dan pada masa itu guru Melayu jadi tulang belakang pada parti UMNO. Jadi untuk meyakinkan mereka itu bahawa apa yang mereka tuntutan akan merosakkan semua sekali—bukan saja sistem pelajaran, tetapi juga negara kita. Inilah dua masalah yang besar saya terpaksa menghadapi.

Kemudian ini soal yang kedua yang dituntut—untuk menukarkan dengan serta-merta daripada bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kepada bahasa Melayu di sekolah menengah. Saya memikirkan kalau kita buat dengan serta-merta mengikut kehendak, maka akan rosak. Bukan kita ubahkan semua sekali. Kita adakan kelas asing. Dengan itu dapat meyakinkan bahawa kita ini serious benar-benar. Dalam pada itu kami mengambil tindakan menambahkan guru yang boleh dalam bahasa Malaysia.

Pada tahun 1963 saya pergi ke Kementerian Pertanian untuk mengambil alih daripada Aziz Ishak. Dua tahun sana, kemudian saya balik Kementerian Pelajaran.

**Saya seronok melihat orang yang berani, bukan saja berani menegur berani juga menerima keteguran. Itu yang penting.**

#### Adventurism?

**NI** : Tahun 1968 di Universiti Malaya, Persatuan Bahasa Melayu telah mengadakan resolusi menyingkir Pak Khir dengan apa yang dikatakan 'adventurism' dalam dasar pendidikan. Apa pendapat Pak Khir?

**KJ** : Saya tidak setuju pada dakwaan 'adventurism' ini kita mesti ada 'planned education policy'. Kalau saya mahu popularity, memang saya umumkan—terus saya dapat popularity. Tetapi adakah kita nak sacrifice the country untuk popularity sendiri? Jadi saya tidak mahu gadai negara kita dengan sebab nak menjadi popular dengan serta-merta.

**NI** : Pak Khir menggelarkan golongan ini sebagai extreme kerana nak menjadikan bahasa Melayu bahasa pengantar dengan secepat mungkin?

**KJ** : Ya. Kerana apa? Saya fikir ini negara kita. Kita ada masa untuk kita plan. Pasal apa kita nak gopoh-gopoh nak membuat satu yang boleh menikamkan kita balik?

Saya bagi contoh. Saya ingat lagi ucapan saya di Trengganu. Saya kata tengok pajak gadai. Pada masa dulu tak payah suruh Cina bubuh bahasa Melayu pada kedai gadai, tapi dia bubuh. Di Trengganu di atas sekali dia bubuh bahasa Melayu sebab dia dapati orang-orang yang pergi kedai itu banyak orang Melayu. Pasal itu, *we have to give economic value to the language, then automatically people will have to learn it as it happens today*. Jadi dia orang hendak serta-merta, nak impose. *This cannot be done, especially in a sensitive country like ours*.

Sebenarnya saya appreciate mereka punya suggestions tetapi untuk public consumption I cannot bow down to anyone of their wishes. I understand bila saya membuat announcement

mengenai Universiti Kebangsaan, *they never expected that announcement at all*. Saya memberi ucapan yang saya karang sendiri. Memang saya telah merancang Universiti Kebangsaan dengan sulit dengan Allahyarham Dr. Ungku Omar yang saya yakin sebagai seorang nasionalis praktikal dan saya memang nak jadikan dia Naib Canselor yang pertama bagi Universiti Kebangsaan. Dia seorang yang terpelajar, praktikal dan luas fikirannya. Saya merancang dengan dia dekat tiga tahun. Jadi benda ini kita boleh mengambil masa kita, bukan nak gopoh-gopoh. Satu kejadian yang mendukacitakan saya sendiri ialah kematian dia. Dia masih muda lagi—41 tahun saja. Mula-mula sekali saya bagi dia menjadi Pengerusi Kolej Islam. Saya kata mula-mula kita masuk sains sikit. Diapun buat announcement. Kita nak introduce sains dalam Kolej Islam. Dia orang buat poster, kata mati saya kalau mari, sampai saya tak boleh masuk kolej itu.

Ungku Omar seorang yang brilliant. Saya fikir kalau ikut rancangan Ungku Omar dengan saya, Universiti Kebangsaan ada imej lain. Dia seorang yang dedicated dan selalu prepared. Dia bersemangat kebangsaan dan sebab itu saya bubuh nama Politeknik Ungku Omar untuk mengenangkan jasa dia.

#### 1969

**NI** : Ini berkenaan tahun 1969. Dikatakan ada golongan muda (Young Turks) dalam UMNO telah cuba mengusirkan Pak Khir. Apa pendapat Pak Khir tentang itu?

**KJ** : Yang sebenarnya, dia orang tuju bukan saya, tuju Tunku. Mereka memang tahu, kalau Tunku pergi, saya pun pergilah. Jadi mereka itu lebih tumpukan segala tenaga mereka untuk jatuhkan Tunku, bukan saya. Saya ini macam leftenan Tunku saja. Jeneral pi, leftenan pun mengikutlah. Sebenarnya memang saya rapat dengan Tun Razak. Memang perjuangan menjalankan parti pada masa itu dan menjalankan kerajaan boleh dikatakan kami ber-



Tunku sedang berbual mesra dengan YB Khir, Tan Sri Omar Ong dan Tun Tan



tiga—Tunku, Tun Razak, saya—saya jaga parti dan apa-apa berkenaan kerajaan, Tunku serahkan kami berdualah. Tetapi perubahannya berlaku selepas Mageran (13 Mei). Di situ saya nampak percubaan daripada konco-konco yang di keliling Tun Razak itu—dia nak pisahkan Tun Razak daripada Tunku. Jadi pada masa itu saya nampak juga bagaimana permainan mereka itu tidak boleh dinampakkan oleh Tun Razak.

NI : *Kenapa demikian pula?*

KJ : Ini susah sikit saya nak sebutkan untuk 'interview' ini.

#### WATAN

NI : *Kenapa Pak Khir mulakan Watan?*

KJ : Ini sebenarnya saya mulakan semasa saya di Amerika. Saya duduk baca suratkhobar-suratkhobar hari-hari. Semua *headline*, dia bagi nasihat kepada suratkhobar ini. *They were running the whole country*. Radio dan TV, semua dia orang *monopolise*. Jadi kalau macam itu, negeri kita semua dia orang *control*, *mass media* semua dicontrolkan. Pada masa itu dia orang berkuasa. Dia telefon kepada suratkhobar. "*News* ini Tun Razak kata jangan masuk"—tak masuk. Semua takut. Bila saya balik ke mari, semua orang ceritakan kepada saya. Jadi saya ingat, patutlah ada suratkhobar yang bebas, yang tidak dikongkong oleh mana-mana parti. Jadi walaupun saya jadi ahli UMNO, bukanlah makna berita UMNO saja yang saya masukkan, berita PAS, DAP pun saya masuk. Biarkan rakyat menimbang betul-benar atau tidaknya. Dengan cara itu, dapat kita membinakan dasar yang sihat, fikiran yang sihat di kalangan orang-orang kita. Itu yang sebenarnya. Jadi ini bukan tujuan untuk mencari wang kerana saya pun tahu ini satu *business venture* yang begitu teruk, tetapi saya yakin ini satu daripada jalannya untuk kita membuka pintu kepada orang kita bersuara dengan bebas.

NI : *Apakah pendapat Pak Khir tentang majalah seperti Nadi Insan?*

KJ : Daripada dulu memang saya sokong, tak kira sekarang. Saya seronok melihat orang yang berani, bukan saja berani menegur berani juga menerima keteguran. Itu yang penting.

NI : *Ada komen tentang sekatan suratkhobar?*

KJ : Sekarang ini tak payah sekatan. Dia *control* semua yang tak boleh *control* kita aje. Jadi kita sajalah yang tidak boleh.

#### Dasar Ekonomi Baru

NI : *Berkenaan Dasar Ekonomi Baru ini, apa pendapat Pak Khir?*

KJ : Memang DEB ini telah diterima oleh semua pihak.



Presiden Tabung Hidupan Liar SeMalaysia, En. Khir diapit oleh Tan Sri Hamzah Sendut dan En. Ken Scriven ketika meneliti kenyataan "Selamatkan Laut Kita"

Tinggal lagi saya yakin kalau dasar tidak dapat disokong oleh pihak swasta, tidak mungkin dia berjaya. Dengan sebab itu soal macam saya katakan tadi, dasarnya memang baik, tapi implementasinya yang penting. Jadi kalau kita salah implementasinya, ini akan mengurangkan keyakinan pihak swasta terhadap DEB. Saya bagi contoh yang saya tahu benar. Misalnya soal kecil saja tapi ini terang, senang difaham. Kira ini soal lesen berniaga beras. Saya mendapat tahu satu kes, satu orang Cina. Dia ada lesen borong dan runcit juga. Tapi dengan sebab implementasi, pihak pemerintah kita, pegawai-pegawai kita yang menjalankan dasar itu, dia ambil satu, tinggal yang runcit saja. Jadi dia dah ada kedai dia daripada bapak dulu, tok dia dulu. Dia warisi kedai itu. Jadi salah kalau kita ambil lesen dia itu. Tapi kalau kita nak bagi tambah lesen itu 10 lagi kepada orang Melayu, saya sokong. Apa guna kita merampas lesen itu?

Jadi dari apa kita tahu sekarang, kelemahan kita ialah modal. Contoh yang baik sekali yang kita boleh tunjuk, macam Tabung Haji—bagaimana kita boleh menarik modal daripada orang yang kita tak sangka boleh memberi modal. Ini sebab kita buat secara sistematik, kita tak usik orang lain, maka kita dapat kejayaan. Sekarang ini, kerajaan mengeluarkan modal untuk membuat modal kebangsaan (awam). Itu memang baik, memang saya sokong 100%, tapi saya tidak sokong merampas hak orang yang sedia ada, dan itu saya tegaskan kalau tidak ada sokongan daripada pihak swasta, tidak mungkin kita mencapai matlamat. Dan sekarang ini kelemahan itu.

Satu contoh yang baik adalah Singapura. Dia dengan terus terang mengatakan ia negara sosialis tapi kadang-kadang kita tengok dia lebih menolong kaum kapitalis.

### Kepimpinan UMNO


- NI** : Kita lihat dalam suratkhbar pilihanraya cawangan UMNO kacau-bilau. Apa yang menyebabkan perkara ini berlaku?
- KJ** : Ini sama jadilah saya kata. Kalau orang yang dapat kuasa sikit ini, dia tak sabar, dia nak kuasa lebih dengan cepat. Jadi berlakulah ini. Tapi kalau orang biasa berkuasa dari satu tapak ke satu tapak, lain dia punya fikiran. Kalau seorang kita biar dia turun dari helikopter dan beri dia berkuasa terus, dia tentu nak mempertahankan kuasa dia. Tapi kalau seorang itu biar dia daripada bawah, dia lain. Jadi kita tengok, macam Idi Amin, dia berkuasa dengan serta-merta, apa dia buat? Dia perguna kuasa dia sampai rosak negerinya itu.
- NI** : Secara tak langsung Pak Khir mengatakan the old guard patut mengambil alih pimpinankah?
- KJ** : Bukan begitu. Kalau seorang *old guard* tidak boleh ubahsuaikan diri dengan keadaan baru dia tidak harus diberi jawatan-jawatan yang berkuasa. Itu saya percaya. Jadi satu orang itu tidak kira *Old guard* atau *young*. Ini semua direka masa Tun Razak dulu, oleh konco-konco dia untuk memisahkan dia daripada orang macam saya sebagai *Old guard*. Tapi walhal, fikiran saya, boleh jadi mengatasi mereka itu dari segi *progress*
- NI** : Bermakna golongan *young guard* yang dengan cepat nak mencapai taraf dalam kementerian boleh kita katakan mereka itu *opportunistic sedikit*.
- KJ** : Ya. Contoh yang baik yang kita boleh lihat sekarang ini. Sekarang ini siapa yang buat reformasi di China? Deng Xiao Peng. Umurnya 78 tahun—dia yang mempelopori gerakan untuk mencapai *progress*. Dia dulu *old guard* tapi sekarang dia lebih progresif daripada *young guard*. Jadi ini satu contoh yang kita boleh lihat sekarang ini dalam dunia. Jadi dari segi umur, itu tak boleh kita kira. Dari segi fikiran dia bolehkah disesuaikan? Sebab itu, saya katakan: walaupun barangkali tidak mendapat kejayaan yang sepenuhnya, tapi orang yang akan turun sebagai seorang pemimpin yang ternama dalam sejarah kerana dia berani buat itu. Dan saya memang cakap syabas pada orang macam ini.
- NI** : Suatu perkara yang banyak disebut oleh orang ramai—mereka mendapat ada kaitan di antara politik dengan *businessmen*. Jadi tendensinya dasar berkiblat kepada kepentingan orang kaya. Jadi apabila mereka merencanakan sesuatu, *businessmen* lebih dipentingkan daripada rakyat. Apa pendapat Pak?
- KJ** : Kalau tujuannya untuk mencari kesenangan atau kepentingan diri sendiri saja, itu memang saya tidak setuju. Saya anggap itu salah. Tetapi kalau dia membuat itu sebagai cara untuk menolong bangsanya sendiri. Itu tidak menjadi halangan. Misalnya

saya sendiri dituduh masa saya jadi Menteri Perdagangan saya berkawan banyak dengan orang Cina. Tetapi masa itu kalau saya tidak berkawan dengan mereka, macam mana saya boleh meyakinkan mereka untuk menolong orang Melayu kita? Sekurang-kurangnya saya bagi contoh yang boleh *diquote*. Satu budak Melayu. Pak dia itu imam PAS daripada kawasan saya. Anak dia dapat scholarship pi belajar di Cairo tapi dia tidak ada tambang. Jadi Pak Haji ini datang jumpa saya. Dia kata: 'Yang Berhormat, anak saya nak pergi lagi dalam 3 hari tapi tak dak tambang. Saya percaya orang Islam ini nak menderma \$100—\$200 ringgit ini memang susah tapi orang kapik (kafir) ini barangkali boleh. Dia kata tak kira kapik tak kapik, dapat aje. *This way, because of my connection*, saya boleh pi telefon saja, bagi \$500 lah, kasihan ini budak Melayu. Dalam 5 minit ambil motokar saya sekarang pi ambil cek. *But I didn't use that position for my own benefit nor for the benefit of my family*. Saya tidak. *So what is wrong?* Tapi dia orang salah faham

Macam Tunku buat Masjid Negara. *Government spent, I think, a few million dollars only. The rest all contributed by non-Muslims*. Dia gunakan untuk dapat itu buat untuk orang Islam. Salahkah?

### Masa Depan

- NI** : Bagaimana pula dengan masa depan Pak Khir?
- KJ** : Saya tidak langsung memikirkan soal masa depan sendiri. Itu tak terlintas dalam fikiran saya. Selagi saya ini dapat dikehendaki tenaga saya, baik dalam sukan maupun dalam politik, saya akan terus berkhidmat. Macam saya, boleh dikatakan tugu saya ialah Tunku. Tengok Tunku daripada segi agama, dia berkhidmat, daripada segi bola, daripada apa segi pun dia berkhidmat dan saya berpegang teguh kepada falsafah dia dan saya percaya ini satu falsafah yang betul-betul patut diamalkan oleh tiap-tiap orang pejuang tanahair yang tulen. **NI**



Pak Khir berucap



Foto: DBP

# MEDIA CETAK DAN CABARAN MASA KINI

M. NOOR AZAM

## I. PENGANTAR

KERTAS ini ditulis sedemikian rupa dengan harapan dapat mencetuskan perbincangan yang berguna untuk kita semua. Maka persoalan-persoalan yang dikemukakan adalah yang sama-sama kita ketahui dan yang menjadi masalah atau cabaran dalam tugas kita sehari-hari. Yang menjadi dasarnya adalah pengalaman peribadi dan hasil pergaulan dengan para wartawan yang terlibat secara langsung dalam penerbitan media cetak. Pembicaraannya sengaja ditumpukan kepada akhbar dan majalah, kerana di sinilah yang lebih banyak dan lebih menonjol cabarannya. Pengaruh, kesan dan jumlah pembacanya juga lebih besar daripada media cetak yang lain.

## II. CONTOH DARI SUATU PERISTIWA

Peristiwa 99 keluarga seramai 300 orang menduduki secara haram rumah murah Kerajaan Selangor, 12 September lalu, adalah suatu kejadian yang luar biasa. Dari segi apa pun peristiwa ini cukup penting. Protes massa yang seperti ini dalam hal perumahan rakyat belum pernah terjadi di negara kita. Peristiwa ini juga, menjadi lebih penting kerana ia terjadi dalam masa kerajaan dan rakyat sedang heboh dengan soal rumah—salah satu keperluan asas manusia yang utama.

Dua buah akhbar berbahasa Inggeris menyiarkan berita ini di muka depan sebagai berita utama:

yang satu memberikan tajuk besar memakan tujuh kolum dengan berita 19 para, cukup dengan gambar yang penuh bermakna; yang satu lagi sesuai dengan bidangnya yang kecil, tajuknya memakan lima kolum dengan berita 17 para.

Sebaliknya dua buah akhbar berbahasa Melayu masing-masing memberikan ruangan yang kecil pada halaman tiga dan sembilan dengan tajuk tiga kolum dan dua kolum, dan berita sebanyak sembilan dan sepuluh para. Tiada gambar sama sekali. Satu daripada akhbar ini memakai berita Bernama dan jelas memperlihatkan tiada berita daripada pemberitanya sendiri.

Sebuah lagi akhbar berbahasa Melayu memberikan ruangan di muka depan, tetapi dengan tajuk dan beritanya satu kolum, sebanyak 13 para. Sedangkan pada halaman lain akhbar ini, pada hari yang sama, memberikan lima kolum untuk tajuk 'Sahara sudah sediakan baju baru untuk nyanyi di Singapura' siap dengan foto Sahara yang memakan ruangan tiga kolum (16 x 11 cm).

## III. BERHADAPAN DENGAN KERAJAAN

Perbezaan siaran berita ini memperlihatkan betapa berbezanya hasil pertimbangan, usaha dan keberanian akhbar-akhbar berkenaan dalam hal memberikan perkhidmatan awam (public service). Namun semua akhbar ini, baik Melayu maupun Inggeris, amat simpati kepada rakyat yang tak punya rumah dan dalam rencana pengarang masing-masing sering memperjuangkan soal perumahan untuk rakyat, terutama rumah murah untuk golongan ber-

pendapatan rendah. Maka hanya satu saja kemungkinan mengapa akhbar-akhbar Melayu memperkecilkan berita ini, iaitu takutkan reaksi kerajaan. Kebetulan pula semua yang mencerooboh rumah kerajaan itu orang Melayu, maka memperbesarkan berita itu menurut sepatutnya mungkin menimbulkan reaksi yang tak diinginkan dari orang Melayu. Barangkali inilah pula faktor yang menjadikan akhbar Inggeris lebih berani. Jika dibandingkan berita dalam *New Straits Times* dan *Berita Harian* yang diterbitkan oleh syarikat yang sama, hal ini dapat dilihat dengan lebih nyata.

Ini hanya satu dari sekian banyak contoh berita penting dijadikan tidak penting, ada kala di 'black out' sama sekali, oleh akhbar-akhbar. Sebabnya adalah kerana bimbangkan reaksi yang tidak menyenangkan atau yang membahayakan dari pihak kerajaan terutamanya, atau dari golongan atau ras tertentu.

## BANYAK SANGAT HIBURAN

Di samping itu ruangan yang diberikan untuk berita dan rencana hiburan (filem, muzik, nyanyian, sukan dan komik) cukup banyak. Sebuah akhbar 12 halaman umpamanya memberikan empat atau lima halaman untuk hiburan. Dan ini tak termasuk iklan. Belum lagi diperhitungkan ruangan satu halaman



penuh—kadang-kadang lebih yang diberikan untuk rencana-rencana skandal seks orang-orang putih terutama bintang-bintang filem. Kisah-kisah ini bukan saja tak berguna, tetapi juga 'hiburan' yang merbahaya bagi masyarakat kita.

Satu kemungkinan mengapa berita dan rencana hiburan dan skandal seks mendapat ruangan begitu banyak, dengan tajuk-tajuk besar dan foto-foto yang memakan cukup banyak ruangan, ialah kerana ini jenis yang 'selamat'. Kerajaan dan para menteri tidak marah, orang ramai suka membaca, pasaran bertambah dan para pengiklan pun sangat senang hati. Inilah juga faktor yang membuat majalah hiburan bertambah agak pesat dengan warna warni yang cantik. Ada majalah dan akhbar yang menjadikan perkhidmatan awam sebagai peranan utama, umurnya tidak panjang atau KDNnya sering menjadi masalah utama.

Seorang Ketua Pengarang akhbar mengatakan: seringkali berita atau rencana yang pada kita adalah konstruktif, bagi orang-orang tertentu dalam kerajaan dianggap destruktif. Penilaian mereka berbeza dari kita. Inilah yang sukar. Hal ini nampaknya sentiasa menghantui para editor atau Ketua Pengarang akhbar dan majalah. Dan ia menjadi lebih sulit apabila sebahagian besar saham syarikat akhbar itu dimiliki parti atau tokoh-tokoh parti pemerintah.

Sesungguhnya persoalan *apa yang disukai dan apa yang tidak disukai, cara mana yang disenangi dan cara mana yang tidak disenangi oleh pihak kerajaan tiada batas atau garis yang jelas* seperti hal-hal yang sudah dikatakan. Ada kalanya KDN tidak diperpanjang tanpa diberikan apa-apa alasan untuk penerbit/editor membuat pertimbangan. Dan hal ini menjadi salah satu halangan besar bagi media cetak kita memainkan peranannya yang bererti, sesuai dengan hak, kebebasan dan tanggungjawab dalam

**Maka hanya satu saja kemungkinan mengapa akhbar-akhbar Melayu memperkecilkan-berita ini, iaitu takutkan reaksi kerajaan.**

negara demokrasi. Dan apa yang diistilah sebagai 'kerajaan' atau 'pihak kerajaan' itu sering pula menjadi masalah, kerana adanya perbezaan sikap dan pendirian di kalangan para menteri dan tokoh-tokoh kerajaan. Sering juga pendapat dan sikap seorang tokoh atau menteri, yang belum tentu dipersetujui oleh menteri-menteri yang lain, dianggap atau dikatakan pendapat dan sikap kerajaan.

Jelaslah, salah satu cabaran yang dihadapi oleh media cetak, ialah bagaimana mempergunakan keberanian, kebijaksanaan, kecekapan dan ketelitian untuk menghadapi kerajaan terutama dalam memberikan perkhidmatan awam atau memperjuangkan kepentingan awam yang melibatkan kerajaan secara langsung, seperti soal perumahan di Kelang itu umpamanya.

#### Medan & Batas Kebebasan

Dalam hubungan ini soal yang selalu timbul ialah sejauh manakah kita mempunyai kebebasan bersuara. Bermacam orang menjawab persoalan ini dengan bermacam cara. Namun perlembagaan kita memang memberikan hak dan kebebasan bersuara. Akan tetapi di mana-mana pun tiada kebebasan yang mutlak. Kebebasan apa pun ada batasnya. Yang berbeza hanya batas-batas itu saja—banyak atau sedikit, besar

atau kecil—dan jenis hukuman yang dikenakan apabila batas-batas itu dilanggar.

Bagaimanapun medan kebebasan yang ada kepada kita sekarang cukup luas untuk kita bergerak. Akan tetapi ada di antara kita, penulis dan wartawan, Ketua Pengarang dan penerbit, yang membuat batas-batas tambahan atau memperbesar batas yang kecil, sehingga kita mempersempit medan yang ada itu. Ada pula batas-batas tambahan yang dibuat oleh editor atau wartawan secara individu, kerana hubungan peribadinya dengan organisasi atau tokoh-tokoh tertentu. Batas ini dibuat sama ada oleh kerana fikirannya sejalan dengan organisasi atau tokoh berkenaan, atau oleh kerana kepentingan diri.

Terjadinya interpretasi yang berbeza antara kita yang terlibat dalam media cetak dengan tokoh-tokoh kerajaan tidaklah dapat dielak, kerana adanya matlamatnya, peranan dan pemikiran serta cara yang berbeza antara media cetak dengan kerajaan, antara kewartawan dengan politik. Konsep, pengertian dan cara memberikan perkhidmatan awam (public service) antara kerajaan dan media cetak juga amat jauh bezanya.

#### IV. MEMPERBAIKI KEKURANGAN DIRI

Tugas memberikan perkhid-



matan awam dan menegakkan 'truth' amatlah sulit dan selalu ada risikonya. Selain menuntut kesanggupan ilmu pengetahuan, kesanggupan menganalisa dan memasak bahan, kesanggupan memegang konsep bahawa 'always two sides of every issue' dan kesanggupan berlaku jujur kepada diri sendiri, ia juga menuntut kesediaan berpegang kepada 'truth' yang sebenarnya tanpa memperdulikan hati siapa yang akan luka, prestij siapa yang akan rosak, status siapa yang akan naik dan pembaca mana yang akan mengirimkan surat cemuhan. Ini belum lagi dihitung kecekapan teknik penulisan, terutama penguasaan dan kecekapan memperalatkan bahasa.

Oleh kerana itulah juga usaha mendapatkan berita atau rencana yang baik, terutama dalam hubungan memberikan perkhidmatan awam, amatlah sulit. Barangkali inilah salah satu sebab, selain dari gugatan kerajaan, mengapa akhbar-akhbar kita suka sangat memperbanyak ruang untuk hiburan dan untuk karangan-karangan dari luar negeri, mengenai orang atau peristiwa luar negeri.

#### Kekurangan & Kesanggupan Wartawan

Maka cabaran berikutnya ialah cabaran untuk mengakui kekurangan dan kesediaan untuk mempertinggi kesanggupan serta kecekapan kita sendiri. Kita harus berani mengakui, dalam aspek penggunaan bahasa pun ramai di antara kita yang masih lemah, apa lagi aspek-aspek lain, seperti pengetahuan asas dalam ilmu-ilmu kemasyarakatan dan pengetahuan khusus mengenai hal yang kita tulis. Maka menjadi kewajipan para editor, Ketua Pengarang dan penerbit untuk sama-sama berusaha memberikan pendidikan dan latihan sebaik mungkin kepada para wartawan kita, di samping mengenai disiplin kerja dan kod etik kewartawanan yang ketat.

Kelemahan dan kekurangan yang



"BUKU-BUKU INI MENERITIKKAN TENTANG PERUSAHAAN KITA ..... HASUTKAN PENERBIT NYA!!"

dihadapi oleh para wartawan, menyebabkan media cetak kita selalu saja tercabar dalam tugasnya memberikan keterangan, pengiklanan dan hiburan yang seimbang lagi bermutu, juga mendapatkan pengaruh bagi membentuk public opinion yang baik lagi berkesan. Semakin ramai jumlah pembaca merasakan media cetak kita belum dapat memenuhi tugas yang sepatutnya. Media cetak kita dalam bahasa Melayu terutamanya masih belum berhasil menyiarkan berita dan rencana yang tepat—benar, adil, bijaksana, lengkap dan mendalam, menurut mutu dan kadar yang sepatutnya. Maka 'credibility' akhbar atau majalah, dan kebenaran sesuatu berita atau rencana yang penting dan kontroversial, sering dipersoalkan. Akibatnya orang mungkin lebih percaya pada khabar angin, dan membentuk sikap serta pendapat berdasarkan berita dari mulut ke mulut.

#### Pendidikan, Rangsangan & Pengawasan

Saya kira tiada siapa yang mengindari bahawa tugas wartawan untuk mengumpul, memilih, memasak, menginterpretasi dan menyebarkan berita dengan sebaik mungkin tidak akan tercapai tanpa keberanian, kebijaksanaan, kecekapan dan ketelitian yang akan tercapai menerusi kesanggupan-kesanggupan di atas. Dan ini dapat dicapai, selain melalui pengalaman yang amat lama, adalah menerusi pendidikan

dan latihan khusus dalam masa yang jauh lebih pendek. Jika kesemua media cetak yang ada bersedia, dengan kerjasama tokoh-tokoh profesional serta institusi pendidikan tertentu, latihan dan pendidikan khusus ini pasti dapat diadakan.

*Dewan Masyarakat* bercadang hendak menganjurkan suatu bengkel penulisan rencana pada tahun 1981, sebagai langkah percubaan mengatasi kekurangan kita itu. Akan tetapi jika semua akhbar dan majalah dapat bekerjasama, bermacam latihan dan kursus dapat diadakan tanpa menunggu tahun 1981.

Di samping itu setiap akhbar dan majalah mustahaklah memberikan galakan, rangsangan serta penghargaan secara berkesan kepada para wartawan yang memperlihatkan mutu pemberitaan atau penulisan yang tinggi.

Cadangan hendak mengadakan 'Hadiah Karya Warta' yang sekarang tak lagi terdengar beritanya, adalah suatu langkah yang bijaksana. Dan ia akan menjadi lebih baik jika dikendalikan oleh para penerbit sendiri, tidak oleh kerajaan. Penubuan sebuah 'Lembaga Akhbar' dan organisasi wartawan tingkat nasional yang utuh dan profesional adalah antara lain-lain langkah penting yang dapat memperkukuh kedudukan media cetak dan para wartawan dalam menghadapi sebarang cabaran.

## V. KONFLIK ANTARA KEPENTINGAN DAGANG DAN PERKHIDMATAN AWAM


Salah satu tugas para wartawan dan pengendali akhbar dan majalah ialah memastikan survival akhbar atau majalahnya. Yang menentukan survival ini, selain tindakan kerajaan dan undang-undang, yang maha penting ialah kedudukan kewangan yang kukuh. Dan sumber kewangan yang paling besar ialah iklan—mungkin sampai 60 peratus, dan di Amerika ada yang sampai 80 peratus. Pendapatan iklan ini bergantung pula kepada jumlah pasarnya.

Cabaran yang dihadapi dalam masalah ini ialah adanya konflik yang tajam antara usaha mendapatkan kewangan dengan pegangan atau komitmen. Selain menyiarkan begitu banyak berita, rencana dan foto-foto yang boleh menambah pemasaran, akhbar atau majalah sering juga terpaksa mengambil jalan yang bertentangan dengan pegangannya demi menjaga kedudukan para pengiklan. Oleh keranaitulah sering terdapat berita, rencana dan foto-foto yang bertentangan sama sekali dengan apa yang pernah disuarakan dalam rencana pengarang. Soal-soal seperti pencemaran alam, bahaya rokok, bahaya dadah ubat-ubatan, kenaikan harga barang, pencemaran kebudayaan, adalah antara contoh-contoh yang nyata betapa media cetak tidak dapat membongkar secara sungguh-sungguh dan habis-habisan, kerana akibatnya akan menjauhkan para

pengiklan dagang. Inilah juga sebabnya akhbar dan majalah tempatan selalu menyesuaikan diri dengan kehendak kerajaan, kerana para pedagang tidak bersedia mengiklankan dagangannya dalam media yang tidak sejalan dengan kerajaan. Perusahaan-perusahaan besar, demi untuk kemudahan dan keuntungan besar, sering menjadi penyokong kuat parti pemerintah. Oleh itu apabila media cetak semakin menjadi usaha dagang yang besar, semakin sukarlah ia memainkan peranan perkhidmatan awam yang berkesan. Para editor yang memimpin sidang pengarang sering dapat dikalahkan oleh para pengurus yang mengetahui bahagian perniagaan. Apa lagi jika jabatan sidang pengarang lemah.

### Urban Bias

Akibat dari kuatnya pengaruh kewangan ini, ternyata pula dari kadar berita dan rencana mengenai kehidupan desa. Penderitaan dan pemikiran orang desa amat kurang mendapat ruangan dibandingkan dengan kisah-kisah duka dan suka orang kota. Selain rancangan pembangunan dan bantuan kerajaan, yang selalu menonjol tentang desa ialah kisah rogol dan jenayah. Kisah seorang cacat di Kelantan yang menderita berpuluh tahun lamanya, sehinggalah seorang penulis sambil menulis kisahnya—bukan seorang wartawan akhbar—adalah contoh betapa kurangnya perhatian media cetak kita yang terlalu urban bias terhadap kehidupan desa.



Bagi negara kita yang jumlah pembacanya kecil, akhbar dan majalah yang betul-betul kuat tidak banyak, perusahaan besar juga tidak banyak, ditambah dengan kedudukan parti kerajaan yang kuat dan stabil, kerja para editor dalam menghadapi konflik dan cabaran ini amatlah sukar, malah hampir tak berdaya nampaknya. Barangkali para wartawan yang bertugas dalam akhbar atau majalah yang diterbitkan oleh usaha dagang, dapat memecahkan masalah ini!

## VI. KEPERLUAN AKHBAR DAN MAJALAH NASIONAL UNTUK PELBAGAI RAS

Persoalan terakhir yang ingin saya kemukakan ialah cabaran untuk mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah akhbar dan sebuah majalah yang kandungannya merentasi *semua batas ras dan agama, dalam bahasa kebangsaan*. Dalam hal ini nampaknya media cetak tidak mendukung aspirasi Malaysia, semangat Rukunegara dan salah satu Dasar Ekonomi Baru iaitu penyusunan semula masyarakat Malaysia.

Kecuali akhbar Inggeris yang secara kebetulan dan oleh tuntutan jalan sejarah, dapat menembusi batas-batas tersebut; akhbar dan majalah Melayu, Cina dan Tamil masih tetap mempunyai ciri-ciri rasialisme yang amat kuat dan kental. Majoriti dari pembaca, memilih akhbar/majalah dalam bahasa mereka sendiri yang isinya, orientasinya dan pemikirannya mengarah kepada polarisasi ras.

Jika kita bersetuju perlunya diwujudkan satu bangsa Malaysia, perpaduan nasional, kebudayaan dan identiti nasional, inilah salah satu cabaran yang paling unggul terhadap media cetak dan kaum wartawan kita. Dan oleh kerana ini adalah bidang usaha baru yang menuntut semangat penerokaan yang cukup gigih, kerajaan perlulah bersikap lebih simpati serta lebih liberal daripada yang ditunjukkan selama ini terhadap akhbar Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. NI

# KAWALAN TERHADAP MEDIA CETAK

John Lent (Dipetik dari Universal Human Rights' Jul-Sep 1979)

Sebagaimana media milik kerajaan (semua media elektronik), media cetak swasta juga sentiasa berhati-hati terhadap panduan-panduan yang ditentukan oleh pihak pemerintah. Panduan-panduan itu biasanya dalam bentuk kenyataan resmi, panggilan telefon kepada pengarang daripada pihak kementerian dan ucapan resmi pegawai kanan kerajaan mengenai peranan akhbar.

Walau apa sahaja bentuknya, panduan-panduan tersebut mempunyai kesan. Temubual dengan para pengarang dan analisa isi berita boleh membuktikan panduan-panduan itu menimbulkan kesan.

## Dwi-Pergantungan Media Cetak Kepada Kerajaan

Sargent, seorang pakar UNESCO, pernah melaporkan bahawa temubual dengan pengarang tujuh akhbar harian—yang mewakili semua empat bahasa di Malaysia—menunjukkan bahawa mereka percaya salah satu tugas mereka ialah menyokong dasar-dasar kerajaan dan memberitahu orang ramai mengenai. Ia merumuskan bahawa: 'Pihak akhbar bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan penerangan resmi dan kelulusan lesennya.'

Dalam tahun 1972-73, dua orang pengarang telah memberitahu Lent, seorang pensyarah di USM, bahawa bukan tugas akhbar-akhbar mereka mengawas kerajaan; sebaliknya, mereka patut menyokong atau bekerja dengan pihak berkuasa. Pengarang-pengarang lain juga mengaku bahawa lebih selamat menggunakan berita-berita resmi dan mengelak-

kan isu-isu sensitif.

Penganalisaan isi akhbar menunjukkan berita-berita yang dibekalkan dan yang menyokong kerajaan lebih ditekankan. Setelah mengkaji dua puluh empat isu Utusan Melayu/Utusan Malaysia dan New

Utusan Melayu dan Nanyang Siang Pau dimiliki oleh UMNO. Selain daripada itu, Pemas juga memiliki sebahagian daripada Sin Chew Jit Poh dan Sing Pin.

Straits Times dalam tahun 1974, seorang pensyarah USM, Hamima Dona Mustafa telah menunjukkan bahawa akhbar-akhbar ini memperuntukkan 52.4%, 52.3% dan 32.4% isi berita mereka bagi projek-projek pembangunan kerajaan.

Tinjauan lain menunjukkan bahawa akhbar-akhbar banyak menggunakan berita-berita kerajaan. Kajian selama dua bulan pada tahun 1976 oleh tiga orang pelajar



USM menunjukkan bahawa ketiga-tiga akhbar yang dikaji itu menggunakan 55% hingga 67% berita kerajaan.

Analisa isi berita pilihanraya 1979 oleh dua orang pelajar USM menunjukkan bahawa Utusan Melayu menggunakan lapan kali lebih banyak dan New Straits Times empat kali lebih banyak berita yang memihak kerajaan daripada pembangkang.

Semua pengarang akhbar tidak menekankan penulisan berita yang melibatkan penyiasatan yang mendalam dan sering mengisikan muka akhbar dengan ucapan serta kem-


pen kerajaan; pada umumnya, mereka bersikap sepi terhadap pihak pembangkang.

## Sekatan Undang-Undang

Terdapat beberapa pindaan undang-undang untuk mengubahsuaikan media cetak bagi keperluan kerajaan. Dua di antara yang sangat berat ialah Akta Mesin Cetak tahun 1948 yang telah dipinda pada tahun 1971 dan 1974 serta ordinan Kefitnahan 1948 dengan pindaannya pada tahun 1971.

Akta Mesin Cetak memerlukan penerbitan mendapatkan lesen menggunakan mesin cetak dan kebenaran menerbitkan suratkhbar. Kedua-duanya mesti diperbaharui setiap tahun. Kementerian Dalam Negeri boleh menarik balik lesen dan kebenaran itu tanpa memberi sebarang alasan pada bila-bila masa pun.

Pindaan pertama akta itu menetapkan bahawa semua pemegang lesen mesti menjamin bahawa cetakan mereka tidak menyelewengkan fakta-fakta berhubung dengan kejadian-kejadian yang ada kaitan de-



**Mereka haruslah menerima berita yang tidak berat sebelah.**

ngan ketenteraman awam di Malaysia dan tidak akan mengapiakan atau menimbulkan ketegangan kaum. Penggunaan bahan yang boleh mengancam ketenteraman awam atau keselamatan negara juga tidak dibenarkan. Pindaan 1974 pula menjaminkan bahawa akhbar-akhbar dimiliki oleh kepentingan tempatan.

Terdapat juga kejadian di mana lesen-lesen atau permit-permit digantung. Kemungkinan kerugian boleh berlaku membuat para pengarang berhati-hati walaupun penarikan lesen tidak sering berlaku. Seorang pengarang pernah berkata, 'Dia duduk di sana dengan lesen di tangannya. Maka, apabila dia memberikan syornya, anda perlu mematuhi.'

Akta Kefitnahan dan pindannya sangat ditakuti oleh pengarang media cetak di Malaysia. Undang-undang itu, seperti kebanyakan undang-undang kefitnahan, boleh menyebabkan seseorang itu didenda atau dipenjara kerana tindakan, perkataan, ucapan dan penerbitannya

dianggap mempunyai kefitnahan.

Pindaan 1971 melarang media massa membincangkan empat isu sensitif, iaitu dasar Bahasa Malaysia, hak keistimewaan untuk orang Melayu, kedudukan Sultan dan kerabat diraja, serta dasar kerakyatan terhadap orang bukan Melayu.

Selama ini dua akhbar telah dikenakan tuduhan kefitnahan. Pengarang *Utusan Melayu*, Melan Abdullah telah didapati bersalah dan didenda pada tahun 1969 kerana tulisannya yang dianggap mengandungi unsur fitnah. Dia telah menulis tajuk rencana menyeru penghapusan sekolah-sekolah Tamil dan Cina. Pengarang *The Rocket*, Suara Parti Tindakan Demokratik (DAP), Fan Yew Teng juga didapati bersalah kerana menyiarkan ucapan yang mengandungi kata-kata fitnah.

Undang-Undang Akta Kawalan Penerbitan yang diimpot dan Akta Keselamatan Dalam Negeri juga menyekat kebebasan bersuara.

Di bawah Akta Pengawalan Penerbitan yang diimpot, Menteri Penerangan mempunyai kuasa penuh

mengawal pengimpotan sebarang penerbitan yang dianggap boleh mengancam ketenteraman awam, moral atau keselamatan Negeri. Akta itu setakat ini dikenakan ke atas tulisan-tulisan politik dan ugama serta bahan-bahan bacaan lucah.

Walaupun begitu, terdapat banyak kejadian di mana cetakan seperti *Time*, *Newsweek*, dan *Far Eastern Economic Review* diharamkan atau ditapis kerana mengandungi cerita-cerita yang dianggap bertentangan dengan dasar atau tindakan pihak pemerintah.

Akta Keselamatan Dalam Negeri (1960) mungkin merupakan akta yang paling sering digunakan untuk menindas anggota pembangkang. Di bawah akta tersebut, menteri berkenaan boleh melarang pencetakan atau pemilikan sebarang bahan yang pada pendapatnya boleh menyebabkan keganasan, menimbulkan huru-hara atau ketegangan antara kaum. Hak mendapatkan perbicaraan diperkosa dalam pelaksanaan akta tersebut.

Orang yang ditangkap boleh ditahan selama enam puluh hari sebelum dikenakan tuduhan dan kesnya pula didengar oleh satu lembaga pentadbiran khas. Seseorang yang dituduh itu boleh ditahan sehingga dua tahun bergantung kepada timbangrasa pegawai yang mendengar kesnya itu.

Dalam tahun 1976, akta itu digunakan untuk menahan sekurang-kurangnya pengarang *New Straits Times* (Samad Ismail), pengarang *Berita Harian* (Samani Amin), Pengarang *Mimbar Sosialis* (Kassim Ahmad), bekas pengarang *Sin Chew Jit Poh* (Chan Ken Sin), serta dua timbalan menteri kerajaan.

Tenaga media cetak pernah dikenakan undang-undang lain. Pada dua tahun kebelakangan misalnya, beberapa orang tokoh politik telah dihukum melanggar Akta Rahsia Resmi dalam dua kes yang berasingan. Ketua Pembangkang, Lim Kit Sing dan Ahli Parlimen DAP, P. Pattol yang terlibat dalam kes



pertama. Di antara tuduhan ialah tidak mengambil tindakan melarang pencetakan rahsia kerajaan dalam akhbar DAP, The Rocket dan memberikan maklumat berkenaan melalui surat kepada media. Bekas Timbalan Menteri Pertahanan, Dzulkifli bin Abdul Hamid telah dihukum kerana membocorkan rahsia kerajaan kepada pengarang Kinabalu Sabah Times.

Hukuman terhadap seorang wartawan kerana dikatakan membanthah Securities Industry Act 1973—kerana dua rencananya dalam Business Times merupakan kenyataan yang diketahui oleh penulisnya sebagai palsu—dianggap oleh setengah pihak sebagai sekatan terhadap kebebasan melaporkan kegiatan pasaran saham pada masa depan.

#### Milik Pemerintah

Pindaan kepada Akta Mesin Cetak pada Januari 1974 menetapkan bahawa warganegara Malaysia mesti mempunyai saham majoriti dalam semua akhbar tempatan. Tidak ramai orang yang akan mempersoalkan rang undang-undang demikian. Apa yang dipertikaikan ialah cara hak milik tempatan dilaksanakan. Beberapa akhbar telah bertukar dari milik asing kepada tangan parti pemerintah.

Strait Times Press, kumpulan akhbar yang terbesar di Malaysia dan Singapura, ditukar namanya kepada New Straits Times dan 80% daripada sahamnya dipegang oleh Pernas, iaitu sebuah badan perniagaan kerajaan. Dengan itu, New Straits Times Press secara tidak langsung berada di bawah kawalan UMNO.

Utusan Melayu dan Nanyang Siang Pau dimiliki oleh UMNO. Selain daripada itu, Pernas juga memiliki sebahagian daripada Sin Chew Jit Poh dan Sing Pin. Pernas juga

memiliki 75% saham di P.T.M. Thompson dan 80% saham dalam firma perhubungan awam, PTM Communications.

Star Publications dibiayai oleh UMNO, MCA dan tokoh dari USNO. Ia juga dipengerusi oleh Tengku Abdul Rahman. Satu daripada dua buah akhbar Tamil yang ada dimiliki oleh seorang pegawai tinggi MIC. Kebanyakan hakmilik akhbar-akhbar di Malaysia Timur juga merupakan kepunyaan parti politik.

NI



Wartawan sedang bertugas tetapi sumbangan mereka tetap terbatas

## antarabangsa

# ALIRAN PENERANGAN ANTARABANGSA DISEKAT

NURUDDIN FARAH MEMBICARAKAN KELEMAHAN-KELEMAHAN SEBARAN AM.  
(TERJEMAHAN M. DAUD KASSIM)

Dunia ini bukanlah terbahagi kepada Dunia Pertama, Kedua dan Ketiga, tidak juga kepada negeri-negeri maju dan sedang membangun, tetapi lebih tepat kepada orang-orang yang cukup mendapat maklumat, yang kurang mendapat dan yang langsung tidak mendapatnya.

Sebahagian besar penduduk dunia kurang mendapat ataupun tidak langsung mendapat apa-apa maklumat dengan tujuan membolehkan golongan-golongan elit yang memerintah menjalankan penguasaan dengan efektif. Perbuatan menafikan maklumat ini telah mewujudkan jenis manusianya sendiri: satu go-

longan manusia yang mempunyai daya berfikir yang daif dan senang dijadikan bahan eksploitasi.

Oleh kerana golongan ini amat kurang sekali mendapat berita-berita dan maklumat, sebahagian besar daripada ahlinya tidak dapat memberitahu dengan tepat di mana letaknya jantung (manusia) dalam

hubungannya dengan paru-paru; dan kerana begitu terpisah dengan berita dan maklumat, mereka tidak dapat membayangkan satu kehidupan yang lain dari apa yang telah dipilih untuk mereka oleh golongan elit yang memerintah.

Siapakah orang-orang yang cukup mendapat maklumat? Mana-mana anggota golongan yang memerintah di mana saja layak untuk menjadi ahli, dan dengan itu juga boleh memperoleh sebarang maklumat yang disiarkan di mana jua di dunia ini dan pada bila-bila masa.

Adalah menjadi hak eksklusif golongan berkeistimewaan untuk mempunyai kuasa ini, manakala golongan-golongan lainnya tidak. Seseorang itu boleh diberi jaminan bahawa dalam masa sehari-dua, ataupun sebulan-dua paling lewat, sebarang maklumat yang telah disiarkan kepada umum di mana juga akan sampai ke pengetahuan mana-mana anggota golongan beristimewaan di mana saja mereka berada di dunia ini.

Apakah yang akan berlaku kepada berita yang telah diperolehi oleh mereka itu? Satu tembok rahsia akan dibina di sekeliling berita-berita itu; ianya dijaga dengan penuh rapi serta hati-hati; setiap cara untuk memisahkan rakyat jelata dengan berita tersebut digunakan; setiap langkah yang boleh menjauhkan rakyat dari berita yang dibentangkan itu diambil.

Dalam negeri seperti Somalia, semua badan-badan kerajaan adalah diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga. Perkhidmatan Keselamatan Negara telah diberikan kuasa untuk menahan siapa saja yang melanggar kanun rahsia ini. Tindakan-tindakan seperti ini tidak ragu-ragu lagi telah menunjukkan dengan jelas bahawa maklumat memainkan peranan yang amat penting dalam perjalanan kerajaan-kerajaan kerana masa depan mereka adalah bergantung kepada bagaimana mereka menggunakannya.

Saya harap saya tidak akan di-



tuduh sebagai menerangkan sesuatu yang sudah nyata kepada orang ramai kalau saya katakan bahawa dalam kebanyakan negeri-negeri Afrika, akhbar-akhbar, penulis-penulis dan pemberita-pemberita adalah dipandang dengan penuh curiga oleh rejim-rejim yang diktator. Ini adalah kerana pemberita-pemberita dapat mendedahkan perbuatan-perbuatan kejam algojo-algojo ini kepada dunia yang mana sanjungan serta restunya dicari oleh algojo-algojo tersebut walau dengan cara apa sekalipun.

Walaupun satu berita saja yang diterbitkan dalam akhbar harian, atau mingguan atau bulanan di Eropah dan di Amerika, ianya boleh merosakkan imej dan nama diktator-diktator ini serta mengoncangkan asas rejim mereka yang sememangnya tidak kukuh itu. Malahan, ianya lebih berkesan dari apa yang boleh dicapai oleh segala rintihan dan aduan rakyat mereka sendiri.

Cuma satu rencana saja! Sebagai contoh, lihat sajalah apa yang berlaku di Zaire, Uganda dan juga skandal pembunuhan kanak-kanak secara beramai-ramai yang baru berlaku di Empayar Afrika Tengah, Chad dan Cameroon. Kebanyakan negeri-negeri ini telah membayar harga yang tinggi dan mem-

belanjakan berjuta-juta wang yang amat diperlukan oleh rakyat jelata untuk memberi kata-kata mulia dari orang-orang yang dianggap oleh pemerintah sebagai 'pemberita yang berpengaruh'.

Kerajaan Somalia telah mengupah ramai pemberita-pemberita, yang dibawa dalam sebuah kapal terbang, untuk melihat 'kejayaan-kejayaannya', manakala beribu-ribu orang kanak-kanak sedang mengalami kekurangan zat makanan (wang yang dibelanjakan secara membazir untuk pemberita-pemberita asing itu dapat mengisi perut rakyat yang lapar di utara ataupun petani-petani di selatan). Para pemberita yang menulis berita-berita yang menyanjung rejimnya dianugerahkan dengan hadiah-hadiah yang lumayan serta tiket-tiket kapal terbang. Bagi mereka yang menulis apa yang mereka percaya, akan dinafikan visa apabila mereka memohonkannya dan akhbar-akhbar yang menerbitkan berita-berita mereka akan juga disenaraikan dalam senarai hitamnya.

Akan tetapi harus saya sebutkan juga hal ini bukanlah terhad kepada Somalia atau negeri-negeri Afrika khususnya. Terdapat banyak negeri-negeri bukan Afrika yang mengamalkan cara-cara diskriminasi yang sama.

NI

# Jangan Menilai Seseorang Berdasarkan Sangkaan

CUCU TOK KENALI

Adalah mudah untuk menilai seseorang dari hanya satu segi berdasarkan sangkaan orang terhadapnya. Akibat dari itu, kekurangannya tertentu mungkin diperbesar-besarkan. Akhirnya, kita mungkin menekankan ciri-cirinya yang kurang penting, sedangkan perkara yang lebih mustahak tidak diberi perhatian yang wajar.

Contohnya, setengah daripada kawan-kawan Ali mempunyai sangkaan buruk terhadap Ali. Semasa di sekolah, Ali terpengaruhi dengan unsur-unsur liar dan pernah membuat beberapa kesilapan. Ketika mereka mula mengenalnya, satu peristiwa telah berlaku disebabkan kelalaian Ali.

Sejak itu, dia dikenal sebagai budak jahat. Dia diasingkan dari pergaulan dan tidak dapat kerjasama kawan-kawan. Keadaan begini menyebabkan ia menjadi makin jahat. Bagaimanapun, satu peristiwa yang tercetus telah mengubah sangkaan orang terhadap Ali.

Pada suatu hari Ali pergi berenang bersama kawan-kawannya. Salah seorang dari mereka telah hanyut dan lemas. Tiba-tiba Ali, tanpa memikirkan keselamatannya sendiri terus berenang secepat mungkin untuk memberi pertolongan. Kawannya selamat.

Peristiwa ini telah menjadi buah mulut orang. Pada mulanya, se-

tengah kawan-kawan menganggap kejadian ini sebagai suatu 'kebetulan' saja. Bagaimanapun, setelah penganalisaan yang teliti, mereka sedar akan terdapatnya faktor-faktor yang tidak boleh tidak, mesti diterima.

Faktor-faktor ini mencerminkan watak Ali sebenarnya. Mereka mula mengakui aspek-aspek baik; beberapa bulan kebelakangan pula, dia dikenali sebagai seorang yang jujur dan tidak berpura-pura. Ali dianggap sebagai seorang insan yang adil dan mengambil berat terhadap orang lain.

Tetapi, mengapa kebaikan ini tidak disedari dari dulu lagi? Tidakkah selama ini kawan-kawan Ali terperangkap dengan prasangka-prasangka mereka dan membuat penilaian statik hanya dari satu segi?

Peristiwa di atas mengingatkan kita bahawa penilaian secara objektif dan saintifik adalah penting bagi memahami diri serta ciri-ciri utama seseorang itu. Kita tidak sepatutnya dikelirukan oleh faktor sampingan atau ciri-ciri yang diperbesar-besarkan.

Bagi mereka yang lambat matang, jangan hanya mementingkan kekurangannya tetapi juga kebaikannya. Kita patut sedar yang kekurangan serta kelebihan bukanlah perkara yang tidak boleh berubah. Dalam keadaan tertentu, perubahan


akan berlaku—kekurangan boleh dihapuskan dan kebaikan pula boleh menjadi lebih unggul.

Seseorang mungkin pernah melakukan kesalahan yang berat dan mempunyai banyak ciri yang tidak disukai, tetapi, selagi dia sedar dan membetulkannya, dengan relahati dan bersungguh-sungguh, kesilapannya akan luput. Tetapi, jika perkara ini dianggap beku dan tidak akan berubah, kita akan menghadapi masalah.

Ambil saja peristiwa Ali sebagai contoh. Dia pernah melakukan kesalahan pada masa lalu, tetapi apabila dia berusaha, dia tentu dapat mengatasinya. Akan tetapi, orang lain tidak mengakui perubahan yang berlaku pada dirinya.

Mereka masih menilai keperibadiannya mengikut apa yang tertanam pada pendapat mereka terlebih dahulu. Ini merupakan satu kesilapan. Selagi dia dianggap sebagai insan yang tak boleh berubah, faktor-faktor yang baik tidak dapat diperkembangkan dan diperkukuhkan, sebaliknya menjadi lebih buruk.

Oleh itu, adalah tidak waras untuk menilai seseorang berdasarkan sangkaan yang tipis dan cetek. Kaedah demikian untuk memahami manusia serta perkara lain patut ditolak. Cubalah bekerjasama dengan seramai yang mungkin, yang membolehkan kita bekerjasama.



# KENAIKAN GAJI PEKERJA KERAJAAN: Murah Hati Kepada Siapa?

Suria Hamid

Pada 29 Mei yang baru lalu, pihak kerajaan telah mengumumkan tangga gaji baru untuk 715,318 orang kakitangan dalam perkhidmatan awam, badan berkanun dan kuasa tempatan yang akan naik antara \$55 hingga \$1,000 dan akan dikuatkuasakan mulai 1 Julai ini (lihat Jadual 1).

Kenaikan tangga gaji itu akan melibatkan tambahan perbelanjaan kerajaan sebanyak \$594 juta setahun. Jumlah ini tidak termasuk elaun-elaun yang turut sama diberikan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, yang juga menjadi pengerusi Jawatankuasa semakkan Gaji itu, telah mensifatkan tangga gaji baru ini sebagai 'semakkan murah hati'. Beliau seterusnya menjelaskan bahawa

jawatankuasanya telah memberi keutamaan kepada golongan pendapatan rendah semasa merangka tangga gaji itu. Oleh itu, pendapatan golongan terendah akan mendapat kenaikan 48% (termasuk elaun perkhidmatan awam) tambahnya lagi.

## Superscale—Super Kenaikan

Walaupun pihak Kerajaan telah cuba memberi gambaran bahawa tangga gaji baru ini akan lebih menguntungkan golongan pendapatan rendah, tetapi orang ramai sedar bahawa golongan yang sebenarnya mendapat faedah dari semakan gaji ini ialah pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, khususnya mereka dalam kumpulan tertinggi (*superscale*). Bukan saja jumlah kenaikan gaji

mereka berpuluh kali lebih besar dari mereka dalam kumpulan pendapatan rendah, malah, peratusan kenaikan gaji mereka juga melebihi peratusan kenaikan yang diperolehi oleh mereka dalam kumpulan pendapatan terendah. Dari Jadual 1, kita dapat melihat bahawa semakin tinggi pangkat seseorang pegawai kerajaan dalam kumpulan tertinggi, semakin besar pula jumlah dan peratusan kenaikan gajinya.

Harus dinyatakan di sini bahawa tambahan gaji pegawai-pegawai dalam kumpulan tertinggi A, yang terdapat dalam Jadual 1, tidak termasuk tambahan dua kemudahan yang baru mereka peroleh iaitu:—  
1. Tambang percuma untuk bercuti di luar negeri bagi tiap-tiap lima tahun perkhidmatan. Pegawai dan keluarganya akan diberi

tambang sebanyak untuk dua tiket kapal terbang kelas satu dan tambang dari Kuala Lumpur ke London. Jumlah tambang percuma yang layak mereka terima ialah berdasarkan tambang pada masa ini, jumlah tambang bahan kemudahan yang akan dinikmati oleh pegawai-pegawai berkenaan ialah lebih kurang \$ 30,000 setiap 5 tahun, ataupun \$500 sebulan.

2. Perbelanjaan api dan air percuma. Semuanya akan dibayar oleh kerajaan.

#### Kenaikan Sebenar

Kedua-dua kemudahan ini boleh bernilai hampir \$700 sebulan. Ini bermakna kenaikan gaji sebenar bagi pegawai-pegawai dalam kumpulan tertinggi A ialah \$3,100—iaitu kenaikan 79%!

Di samping itu, kerajaan juga

bercadang untuk membolehkan pegawai-pegawai dalam kumpulan tertinggi D ke atas membeli kereta tanpa dikenakan cukai. Jika cadangan ini terlaksana, ianya akan membolehkan pegawai-pegawai itu membeli kereta Mercedes, sebagai contoh, yang berharga \$50,000 (termasuk cukai) dengan harga \$30,000 saja!

Kakitangan kanan yang berkhidmat di luar negeri juga mendapat elauns serta kemudahan tambahan. Tiap-tiap perwakilan luar negeri juga akan dibayar dua pertiga yuran sekolah menengah bagi anak-anak mereka yang meningkat umur 18 tahun di samping elauns bantuan orang gaji rumah dengan kadar \$480 sebulan.

Dari maklumat-maklumat ini, kita memanglah bersetuju dengan Dr. Mahathir bahawa semakan gaji baru itu sesungguhnya amat bermu-

rah hati tetapi hanya kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan sahaja. Kepada kakitangan biasa, khususnya mereka dalam kumpulan rendah, tangga gaji baru ini tidak memberi banyak makna. Walaupun gaji mereka telah bertambah, tetapi keadaan inflasi telah menyebabkan ramai pekerja-pekerja di jabatan kerajaan berpendapat bahawa gaji baru mereka masih tidak begitu mencukupi untuk menampung hidup harian mereka.

Harus diingatkan juga bahawa harga barang-barang telahpun meningkat pada puratanya 16% di antara 1976 (tahun semakan gaji sebelumnya) dan 1979. Di samping itu, mereka juga khawatir yang kenaikan gaji ini akan diikuti dengan kenaikan harga barang yang lebih pesat yang akan mengecilkan lagi kuasa beli gaji mereka. NI

Jadual 1: Tangga Gaji Baru Kakitangan Kerajaan

Kumpulan Pekerja	Bilangan Pekerja	Gaji Asas	Tambahan Gaji Asas	Elauns Perkhidmatan Awam	Tambahan Gaji Keseluruhan	% Kenaikan
D	426,851	\$ 195	\$ 55	\$ 35	\$ 90	46
C	213,176	\$ 295	\$ 75	\$ 45	\$ 120	41
B	30,755	\$ 485	\$100	\$ 75	\$ 175	36
A Tingkat Kanan	42,000 1,170	\$ 865 \$1,805	\$135 \$290	\$ 125 \$ 250	\$ 260 \$ 540	30 30

Kumpulan Tertinggi	Bilangan Pekerja	Gaji Biasa	Tambahan gaji Asas	Elauns Kerajaan	Subsidi Sewa Rumah Baru	Tambahan Gaji Keseluruhan	% Kenaikan
G	2,409	\$2,305	\$345	\$ 350	\$ 350	\$1,045	45
F	2,409	\$2,525	\$395	\$ 370	\$ 500	\$1,256	50
E	593	\$2,745	\$445	\$ 410	\$ 750	\$1,605	58
D	593	\$2,965	\$495	\$ 600	\$ 900	\$1,995	67
C	184	\$3,125	\$545	\$ 750	\$1,000	\$2,295	71
B		\$3,465	\$595	\$ 900	\$1,250	\$2,745	79
A	29	\$3,900	\$610	\$1,200	\$ 620	\$2,430	62
Staff III	7	\$4,400	\$610	\$1,500	\$ -	\$2,110	48
Staff II		\$4,950	\$610	\$1,500	\$ -	\$2,110	43
Staff I	1	\$5,350	\$710	\$1,750	\$ -	\$2,460	46


Sumber: New Sunday Times, Jun 1980.

## Pencipta Filem Afrika

Terkenal :

**OUSMANE**

**SEMBENE**



**UG:** Dalam filem sdr., sdr. cuba melahirkan satu gaya nasionalis Afrika menentang penjajahan yang sukar diikuti oleh setengah orang Barat. Ada orang mendapati bahawa filem sdr. terlalu lembab dari segi rentak dan pergerakannya.

**OS:** Rentak dan pergerakan ini sebenarnya mencerminkan kehidupan saya sendiri. Saya sebenarnya mewakili gaya budaya kami, berbeza dengan kecepatan dan kelincihan gaya masyarakat Barat. Di sinilah, sdr. terpaksa menerima dan mengiktiraf bahawa dunia saya adalah dunia yang berbeza samasekali. Saya boleh membuat sebuah filem yang cepat dan lincah tetapi ini tentunya tidak akan mencerminkan hakikat sebenarnya dalam masyarakat kami. Saya sedang membuat filem untuk masyarakat saya. Filem-filem yang akan datang lebih cepat dan lincah kerana ianya mencerminkan gaya generasi baru dengan cara hidup dan rentaknya yang berbeza, lebih cepat.

**UG:** Bolehkah sdr. terangkan bagaimana sdr. menggunakan berbagai aspek perfileman dalam hubungannya dengan masyarakat dan penonton-penonton sdr.

**OS:** Afrika hampir serupa dengan Asia. Terdapat berbagai bahasa. Sekiranya sebuah filem itu mengandungi terlalu banyak dialog, ini ada-

lah sesuatu yang mungkin merumitkan kerana perbezaan bahasa itu. Oleh itu, untuk menyampaikan sesuatu utusan, adalah perlu digunakan bahasa lihat (*visual*) untuk menyuarakan sesuatu dengan cara yang mudah difahami oleh kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza. Biasanya, saya menggunakan unsur-unsur bunyi dan inilah yang telah saya lakukan dalam filem *Ceddo*.

**UG:** Dalam filem *Ceddo*, nampaknya terlalu banyak pergantungan kepada percakapan dan dialog.

**OS:** Saya tak fikir begitu. Panjangnya filem ini ialah dua jam sepuluh minit tetapi sebenarnya panjangnya jumlah dialog dalam filem ini ialah setengah jam saja. Terdapat banyak dialog dalam bahagian pertama filem ini kerana ceritanya terpaksa diletakkan dalam konteks tertentu. Filem ini ditujukan kepada satu generasi di Afrika yang tidak tahu menahu mengenai zaman yang dibincangkan. Mereka juga telah lupa pada bahasa yang digunakan (bahasa Wolof kuno), suatu bahasa yang telah saya susun semula dengan telitinya. Tiada apa-apa tercemar di dalamnya dan segala dialognya mengandungi peribahasa.

**UG:** Wanita memainkan peranan penting dalam filem-filem sdr. Bolehkah sdr. bincangkan perkara ini?

**OS:** Dalam masyarakat Afrika,

kaum lelaki biasanya menguasai kaum wanita. Apa yang ditunjukkan dalam *Ceddo* ialah zaman kuno sebelum kedatangan Islam, di mana wanita memainkan peranan utama. Kemudian, anda akan dapat melihatnya dalam *Ceddo*, taraf wanita telah jatuh. Wanita disamakan dengan hamba dan tidak setaraf dengan lelaki. Hanya apabila seorang puteri datang, dia ditempatkan di sisi lelaki.

Tindakan puteri membunuh imam, mempunyai maksud simbolik yang besar bagi masyarakat Senegal kini. Tindakan ini bertentangan dengan idea-idea sekarang dan peranan wanita hari ini. Pada pendapat saya, inilah satu-satunya sebab mengapa filem ini telah diharamkan di Senegal.

**UG:** Dalam beberapa filem dan novel sdr. yang lalu, terdapat beberapa unsur di mana wanita bertindak bersama dan merupakan kuasa politik. Perkara ini tidak terdapat dalam *Ceddo*. Kenapa?

**OS:** Kenapa anda mesti melakukan sesuatu yang serupa saja?

**UG:** Peranan wirawati dalam *Ceddo* adalah penting, tetapi ianya merupakan watak yang tunggal, lagipun ianya adalah seorang puteri.

**OS:** Tetapi itu adalah satu tanda perubahan. Mengapa puteri yang menjadi wirawati, seseorang itu bo-

leh berasal dari golongan istimewa dan masih dapat melibatkan dirinya dalam pergerakan untuk keadilan dan toleransi. Seperti yang biasanya berlaku, wanita-wanita yang berpendidikan universiti memimpin gerakan-gerakan sedemikian dan bekerja berusaha ke arah menyedarkan kaum wanita. Adalah tidak benar bahawa golongan pekerja dan petani yang selalunya mencipta sejarah di Afrika. Sebaliknya, sejarah Afrika moden selalunya dicipta oleh golongan menengah, yang mempertahankan keistimewaannya dan juga merupakan golongan konservatif.

**UG:** *Adakah sebab-sebab lain mengapa Ceddo diharamkan?*

**OS:** Kerajaan bukannya bodoh. *Ceddo* bukannya sebuah filem yang mengkhayalkan. Kerajaan bergantung kepada kuasa ugama. Sekiranya kerajaan mengharamkan filem itu, adalah kerana kerajaan mahu mempertahankan dan melindungi sesuatu. Setelah menyaksikan filem seperti itu, orangramai tidak semestinya bertukar menjadi revolusioner sekaligus tetapi ia akan menyebabkan mereka berfikir.

**UG:** *Adakah sdr. berfikir bahawa keinginan sdr. supaya filem itu berjaya di Amerika Syarikat bertentangan dengan pendirian sdr.?*

**OS:** Ah, tapi menayangkan filem-filem saya di negeri-negeri kapitalis tidaklah penting bagi saya.

**UG:** *Tapi sdr. ada di sini sekarang.*

**OS:** Dengan beradanya saya di sini, saya memaksakan kerajaan saya menayangkannya di tanahair saya. Ini akan menjadikan filem saya terkenal di Afrika. Sekiranya para wartawan suka filem itu dan membincangkannya, ini merupakan satu kejayaan dari segi perjuangan fahaman. Begitulah caranya untuk menggunakan media. Orang-orang di Senegal hanya menumpukan perhatian mereka kepada majalah-majalah Amerika dan Eropah. Keadaan di negeri-negeri Afrika lain yang berbahasa Inggeris dan Perancis serupa juga.

NADI INSAN, JULAI 1980



Saya tidak yakin saya akan dapat keuntungan kewangan yang banyak di Amerika Syarikat. Kami bukan kanak-kanak. Kami tidak datang ke mari dengan harapan untuk menjadi kaya, menjadi jutawan. Siapa yang datang menonton *Ceddo* di New York dan San Francisco? Hanya mereka yang sungguh berminat terhadap seni perfileman—sebilangan kecil dari orangramai.

**UG:** *Pengedaran filem di Afrika dimonopoli oleh syarikat-syarikat Amerika dan Eropah yang besar. Bagaimanakah sdr. mengedarkan filem sdr.?*

**OS:** Memang susah tetapi orangramai kini mahukan lebih dari apa yang terdapat. Mereka sudah biasa dengan filem Amerika—filem-filem *cowboy*, kung-fu, dengan filem-filem bodoh serta yang hebat-hebat. Semua itu sudah berubah. Orangramai mahukan filem mengenai masa lampau, mengenai kanak-kanak, mengenai wanita dan semua masalah-masalah yang sedang ditimbulkan sekarang.

**UG:** *Nampaknya, pengeluaran filem di Afrika menghadapi beberapa masalah seperti penapisan dan masalah kekurangan wang. Memandangkan ini, apakah peranan pada masa akan datang untuk pencipta filem dan perfileman?*

**OS:** Jika perfileman terus terasing, ia akan ditindas dengan mudah dan akan tenggelam. Ianya mestilah berusaha bersama-sama dengan gerakan-gerakan progresif yang lain dalam semua bidang agar dapat memberi kesan yang efektif. Pada satu masa dulu di Brazil, terdapat aliran perfileman yang dinamis, iaitu *Cinema Nova*. Kini ianya sudah tidak ada lagi. Para seniman mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat tetapi tugas sebagai penggerak perubahan itu tidak boleh diserahkan kepada seniman saja.

Para pencipta filem harus mengambilkira penonton-penontonnya sambil berjuang bersama anasir-anasir lain. Memangnya susah dan selalunya sukar tapi tidak ada pilihan lain—kita mesti menyedari bahawa tidak satu sistem atau pertumbuhan yang boleh memberi artis itu kebebasan yang mutlak untuk menyoal apa yang ingin disuarakannya, bahawa semua jenis pemerintahan mengenakan had-had dan pengawasan tertentu ke atas kerja seseorang seniman itu.

**UG:** *Adakah terdapat apa-apa pertentangan bagi seorang artis yang mempunyai pendirian politik yang kuat?*

**OS:** Segala budaya mempunyai aspek politiknya dan mencerminkan fahaman tertentu, samada ia mengakuinya atau tidak. Artis itu adalah seorang yang berpolitik samada disedarinya atau tidak.

**UG:** *Tidak ada pertentangan bagi sdr.?*

**OS:** Tidak samasekali.

**UG:** *Adakah sdr. mempunyai rancangan untuk membuat filem lagi?*

**OS:** Saya tidak akan mempunyai rancangan hanya apabila saya berada dalam kubur.

NI

# DARAH TINGGI

Dr. C.C. Chen

Memang tidak boleh dinafikan bahawa penyakit darah tinggi telah mengorbankan berjuta-juta nyawa dalam dunia kita ini. Penyakit ini menular, meresap dan mencerut mangsanya dengari penuh kezaman dan keyakinan. Penyakit ini pula tidak pilih kasih. Sesiapa merintis ke arah perangkapnya, dialah akan merasai bisanya.

## Apakah sebenarnya darah tinggi?

Darah tinggi dalam istilah bahasa Inggeris ialah *high blood pressure* ataupun *hypertension*. Secara ringkas istilah ini menggambarkan satu keadaan tekanan darah dalam badan yang berbeza dari yang sepatutnya (*normal*). Kita harus juga sedar bahawa secara umumnya tinggi atau rendah tekanan darah itu bergantung kepada kuasa pergerakan (degupan) jantung.

Semenjak dalam perut ibu lagi, jantung bayi sudah mula menjalankan tugasnya dan akan melanjutkan khidmat kepada anda sampai anda menemui ajal. Degupan jantung itu sebenarnya ada dua bahagian—iaitu semasa memaksa darah mengalir ke seluruh badan ataupun sistolik, dan semasa menerima darah ataupun diastolik. Dengan sepiantas lalu kita boleh mengatakan bahawa tekanan darah pada peringkat sistolik lebih tinggi dibandingkan dengan peringkat diastolik.

Untuk meringankan kerja pegawai perubatan, tekanan darah kerap kali diukur dengan menggunakan nisbah seperti 120/80 (sistolik/diastolik), iaitu tekanan darah orang yang dianggap normal. Kita patut juga sedar bahawa nisbah ini adalah panduan kasar untuk pegawai perubatan kerana memang ada perbezaan sedikit di antara individu.

Oleh kerana kuasa tekanan dari

peringkat sistolik kian berubah mengikut umur seseorang itu, misalnya 140/90 untuk orang muda dan meningkat kepada 180/100 untuk orang tua yang berumur lebih kurang 70 tahun, maka tekanan darah di peringkat diastolik lebih digunakan untuk menentukan teruknya darah tinggi seseorang itu.

Teknik untuk menentukan teruknya darah tinggi sangatlah mustahak. Keadaan seseorang yang mengalami tekanan psikologi, sedih, gembira, takut, dan selepas melakukan kerja kuat boleh meningkatkan tekanan darah dalam badan. Oleh itu keadaan pesakit tersebut patut ditenteramkan dahulu sekurang-kurangnya lima minit sebelum memeriksa keadaan tekanan darahnya.

Dengan demikian, darah tinggi sebenarnya menggambarkan sesuatu tekanan darah yang tinggi dan yang berlanjutan. Jika keadaan ini tidak dirawat dengan segera, maka kesi-


hatan seseorang itu akan terancam dan lambat laun akan membawa maut.

## Benarkah darah tinggi merbahaya?

Kebenarannya tidak boleh dinafikan. Kecelakaannya ditumpukan kepada organ-organ seperti otak, jantung dan buah pinggang. Kerosakan organ-organ ini bermakna juga kehidupan seseorang itu tidak seperti biasa lagi.

Selalunya proses penjelmaan darah tinggi berlaku dengan cara tersembunyi dan bila keadaan ini terdetus dan dirasai oleh pesakit sendiri, ini bermakna badan pesakit itu sudah memberontak kerana pesakit itu tidak menjaga kesihatannya, khususnya dari segi makanan, latihan jasmani dan lain-lain lagi.

Kadangkala dalam keadaan tertentu, tekanan darah seorang pesakit meningkat tinggi dengan pesat dalam tempoh yang pendek, iaitu dalam beberapa minggu atau bulan. Kadar darah tinggi yang cepat ini boleh mengakibatkan kemerosotan kesihatan dan akhirnya membawa maut.





Adakah penyakit darah tinggi ini berkekalan?

Keterangan terhadap perkara ini sangatlah mustahak dan telah me-

pau tinggi, ataupun penyakit sampingan yang boleh mengakibatkan keadaan kegagalan pergerakan jantung (*heart failure*).

**Keadaan seseorang yang mengalami tekanan psikologi, sedih, gembira, takut dan selepas melakukan kerja kuat boleh meningkatkan tekanan darah dalam badan.**

nyebabkan berbagai-bagai kekeliruan pada orang ramai. Sebenarnya ada dua jenis darah tinggi:

(1) *darah tinggi primer* — iaitu sejenis penyakit yang masih belum diketahui asal-usulnya (mungkin ada sangkutan dengan keturunan), dan keadaan serta akibatnya terhadap pesakit dianggap kekal.

(2) *darah tinggi sekunder* — iaitu darah tinggi disebabkan oleh penyakit sampingan seperti penyakit-penyakit buah pinggang, kelenjar endokrin, pemakanan tak seimbang, dll. Maka rawatan darah tinggi ini haruslah dilakukan mengikut penyakit tersebut. Jikalau pemulihan penyakit ini tidak mengubah keadaan darah tinggi, maka penyakit darah tinggi ini dianggap kekal dan rawatan sewajarnya dilakukan.

Suatu pemeriksaan dan penyelidikan harus diusahakan terhadap penyakit darah tinggi sekunder, khususnya kepada golongan belia, supaya punca masalah itu dikesan dan dirawat.



**Bilakah rawatan dilakukan?**

Selalunya rawatan dilakukan jika tekanan darah seseorang itu terlam-

Perkara yang menjadi masalah besar, kepada pegawai perubatan dan individu sendiri, adalah untuk mengesankan individu-individu yang tidak mempunyai gejala darah tinggi tetapi keadaannya adalah di dalam pinggiran (*borderline*). Ataupun ianya mengalami darah tinggi yang sederhana.

Oleh kerana itu dan dengan adanya statistik kematian yang tinggi, maka individu harus menganggap diri mereka mempunyai potensi untuk menjadi mangsa penyakit darah tinggi. Dengan demikian, mereka digalakkan untuk mendapat *check-up* tekanan darah pada tiap-tiap bulan selama tiga hingga enam bulan. Bertindak sebelum terlambat!!!

**Matlamat rawatan**

Selain dari darah tinggi yang berpunca dari penyakit-penyakit lain dan diatasi mengikut cara-cara tertentu, rawatan yang biasa dilakukan sebenarnya bertujuan untuk menurunkan tekanan darah tinggi ke peringkat *normal* dan juga cuba mengawal akibat sampingan dari dadah yang digunakan itu sendiri.

Di dalam keadaan rawatan, ada tiga perkara yang harus menerima perhatian:

- (1) rawatan seumur hidup
- (2) persefahaman, kesedaran, keyakinan dan disiplin seseorang itu terhadap masalah darah tinggi, khususnya kepada golongan yang tidak merasai lagi gejala-gejala tersebut.
- (3) akibat sampingan (*side effects*) yang terjalin bila dadah digunakan.

**Bagaimana rawatan itu dilakukan?**

Memang terdapat berbagai-bagai dadah dalam pasaran dan kepintaran sains juga telah mengeluarkan dadah-dadah yang dapat mengurangkan akibat sampingan. Untuk rawatan yang sempurna dadah darah tinggi harus diberi satu ataupun dua kali sehari.

Untuk golongan yang sederhana pula, satu atau dua jenis dadah sahaja harus diberi. Untuk golongan yang teruk pula, dadah campuran diberi untuk mengelakkan dari memberi peruntukan (*dosage*) dadah yang terlampau tinggi.

Kalaulah ada kecuaiian berlaku bagi pihak pesakit untuk mengikut peraturan rawatan tertentu, ini mungkin disebabkan oleh:

- (1) pesakit sendiri tidak mempunyai motivasi ataupun pemahaman terhadap masalah tersebut.
- (2) akibat sampingan yang mengganggu kerja harian si pesakit.
- (3) masalah kewangan.

Kami percaya harga dadah tidak menjadi masalah besar kerana kebanyakan dadah yang ada amatlah murah, dan kebetulan pula, ubat tersebut boleh didapati dari hospital kerajaan.

Masalah yang kerap menonjol pada masa kini adalah kelemahan dari segi perhubungan antara doktor dengan pesakitnya, dan kemampuannya untuk menyelaras masalah tersebut untuk seumur hidup pesakit itu.

Oleh itu pesakit harus bertanya dan memohon keterangan dan nasihat terhadap penyakit mereka supaya mereka boleh menyertai dalam kegiatan untuk memulih atau menstabilkan keadaan kesihatan mereka.

Akhir sekali, sedarlah bahawa rawatan penyakit darah tinggi adalah untuk seumur hidup. Dengan adanya kawalan dan rawatan yang sempurna, anda akan dapat menikmati keindahan alam lebih lama lagi dan menjadi umat insan yang sentiasa produktif.



**UNTUK NUSA  
DAN  
BANGSA**

**WATANI**

**DITERBITKAN SETIAP HARI JUMAAT**

---

K.D.N. 0080/80

399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
Kuala Lumpur.  
Tel: 980044.

Cable: WATANIAH Kuala Lumpur  
P.O. Box 2454

---

## SASTERAWAN GIGIH

BUKU: DIALOG DENGAN SASTERAWAN  
 PENGARANG: KASSIM AHMAD  
 PENERBIT: PENERBITAN PENA SDN.BHD (1979)  
 TEBAL: 188 HALAMAN  
 HARGA: \$4                      PENGULAS: BELAETHAM.K.

Kassim Ahmad—yang kini dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri—bukan saja terkenal sebagai seorang ahli politik yang gigih memperjuangkan nasib rakyat negeri ini. Ia juga terkenal sebagai seorang tokoh sasterawan tanahair masa kini yang pernah mengajar di Universiti Malaya dan di London School of Oriental and African Studies. Sebagai seorang penyair, memanglah jumlah sajaknya yang tersiar adalah begitu kecil.

Namun begitu pengaruhnya ke atas kesusasteraan Melayu moden adalah cukup besar. Di samping itu, tulisan-tulisan Kassim Ahmad mengenai teori sastera dan kritikan sastera telah memperkenalkan satu aliran pemikiran yang cukup penting dalam perkembangan sastera tanahair. *Dialog dengan Sasterawan* adalah kumpulan esei-eseinya berjumlah 21 esei kesemuanya dalam bidang sastera yang ditulis antara tahun-tahun 1958 dan 1975. Esei-esei ini pernah disiarkan dalam penerbitan-penerbitan tempatan. Beberapa esei, terutamanya yang ditulis sebelum tahun 1973, telah dipinda, kerana 'fikiran saya mengenai teori dan kritikan sastera telah berubah sedikit di dalam 17 tahun ini.'

### Optimis

Yang ditekankan olehnya berulang-ulang kali (sehingga sesekali terasa jemu) ialah bahawa seseorang penulis harus bertindak sebagai jurubicara rakyat, harus bersikap progresif dan menyuarakan optimisme. Optimisme antara lain berpunca dari pandangan hidup yang revolusioner.

Manusia, katanya, mampu menghadapi segala macam masalah

dan mempunyai satu destinasi yang agung. Kassim Ahmad menolak pesimisme. Menurutnya, manusia mengajar kita bahawa setiap pertentangan akan berakhir dengan kemenangan kepada pihak yang benar, jujur dan berani.

Para penulis dilihatnya sebagai katahati masyarakat dan sumber semua kesusasteraan ialah kehidupan sosial di alam sekelilingnya.

Maka, setiap penulis yang berjiwa rakyat harus mempersatukan dirinya dengan rakyat dan menciptakan karya-karya yang boleh menolong rakyat mencapai kemerdekaan ekonomi, ketenteraan dan kebudayaan.

Satu lagi tugas penulis ialah menciptakan karya yang boleh membangun dan memperkukuh perpaduan nasional berdasarkan kerjasama yang erat di antara suku-bangsa yang ada di Malaysia. Tugas suci ini, kata Kassim Ahmad, memerlukan tiga jenis kemampuan: kemampuan rohani, kemampuan moral dan kemampuan intelek.

Kassim juga berpendapat bahawa beberapa orang penulis kita lebih menitik beratkan ciri-ciri seni. Mereka terpisah dari pergolakan masyarakat dan tidak mempunyai tanggungjawab sosial yang jelas. Akibatnya, mereka kehilangan haluan dan tenaga. Tulisan-tulisan sebegini, katanya, tidak bisa mencapai keagungan kerana sastera agung ialah bentuk seni yang dipandu dengan isi yang revolusioner.

### Kritikan Sastera

Dalam kritikan sastera, Kassim mengemukakan dua ukuran—ukuran seni dan ukuran politik. Tapi,

katanya, kebanyakan kritikan sastera kita sekarang menitik beratkan aspek seni dan mengeneipkan isi ideanya. Akibatnya ialah lahirnya kritikan 'perasaan' yang tidak saintifik atau pun objektif. Kassim Ahmad melihat kritikan sebagai satu sains.

Beberapa dari esei dalam kumpulan ini adalah ulasannya terhadap karya-karya seperti *Saliha* (oleh Samad Said), *Musafir* (oleh Hasan Ali), *Jalan Pulang* (oleh Anas K. Hadimanja) dan *Ranjau Sepanjang Jalan* (oleh Shahnnon Ahmad).

Eseinya, *Shahnnon Ahmad Novelis Pencari Kebenaran Asli* yang memperkenalkan novel-novel Shahnnon agak menarik. Shahnnon, baginya, telah cuba 'menyampaikan sesuatu perutusan atau memecahkan sesuatu masalah, dari politik, sosial hingga ke falsafah dan mistik' (ms. 110). Ia melihat *Rentung* sebagai novel Shahnnon yang paling berjaya, manakala *Ranjau* yang pesimismenya hebat dan mengerikan, gagal memberi analisa dan pengertian yang konkrit terhadap masalah kaum tani.

Kelemahan Kassim Ahmad ialah kedegilannya untuk melihat kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam apa yang dipanggil kritikan saintifik. Pendekatan kritikan ini memang merupakan satu ukuran yang berguna tetapi tidak ramai akan bersetuju akan gunanya sebagai satu-satu aliran yang unggul dan betul.

NI




# AL-KISAH KAPITALISME (Sambungan dari bulan lalu)

Para peniaga bukan saja tiada masa, malah tidak berminat untuk bertempur di medan perjuangan. Mereka mempunyai kerja lain yang lebih menguntungkan.



..... MEREKA MENCIPTA SENJATA API ..  
.....



MEREKA MENGUPAHKAN AHLI-AHLI SAINS SUPAYA BEKERJA UNTUK MEREKA .....

Kini tentera raja dan tentera tuan tanah menggunakan senjata untuk meneruskan pertempuran siapa yang menjual senjata tersebut ???



TENTULAH PENIAGA-PENIAGA




DI MANA PULA PENIAGA-PENIAGA INI MEMBELI SENJATA ?

MEREKA MEMBELI SENJATA INI DARI TUKANG-TUKANG SENJATA DI BANDAR.

Ha! Satu tempahan baru. Sanggupkah aku menerimanya.

MULA-MULA AKU BELI BESI, KEMUDIAN DILEBURKAN DAN DITWANGKAN KEDALAM ACUAN UNTUK DIJADIKAN MERIAM.

Hm! Cara ini kurang cukup



LALU PENIAGA MENGAMBIL LANGKAH BARU.

Peniaga membeli bengkel tukang besi.

sekarang, dia menentukan siapa yang peruntukan perbelanjaan



Dia mengupahkan petani tak bertanah dan tukang-tukang besi untuk bekerja di bengkelnya.

Mereka di bayar gaji rendah



PENIAGA MEMBELI BESI. DUA ORANG PEKERJA MEMIKULNYA BALIK KE BENGKEL. DI BENGKEL ADA SEORANG PENJAGA API, SEORANG PELEBUR BESI, SEORANG PENJAGA ACUAN, SEORANG PENGILAT DAN SEORANG PENGEDAR.



PENIAGA: RAJA ADALAH SAHABAT BAIK KAMI.

PERANG BERLARUTAN, DAN TUAN-TUAN TANAH SEMAKIN BANYAK MENGALAMI KEKALAHAN.



PERANG, PERNIAGAAN DAN BENGKEL-BENGKEL TELAH  
 MENAMBAH KEKUATAN PENIAGA-PENIAGA DAN MELEMAHKAN  
 TUAN-TUAN TANAH  
 PENIAGA TELAH BERJAYA DALAM PUSINGAN PERTAMA.

Tinggalkan semua undang-undang yang karut ini. Sekarang kami buat undang-undang baru yang boleh memajukan kepentingan kami

Serahkan saja perkara itu kepada saya

tapi-tapi...



Raja membayar gaji kepada tuan hakim dan penguam bagi menggubal undang-undang baru untuk seluruh negeri.

I. Semua negeri-negeri kecil hendaklah bercantum membentuk sebuah persekutuan di bawah pemerintahan seorang RAJA.

II. PERDAGANGAN BEBAS.  
 Tuan-tuan tanah tak boleh simpan tentera mereka sendiri, dan mereka tak boleh mengenakan sebarang cukai ke atas para saudagar.




Barang siapa mengingkari undang-undang baru ini akan menerima hukuman setimpal dari askar dan polis di raja

MAKA TERBENTUKLAH SEBUAH NEGERI DI MANA PENTADBIRAN DI JALANKAN OLEH JENTERA KERAJAAN YANG TERDIRI DARIPADA SEORANG RAJA, TENTERA, POLIS, PARA HAKIM DAN PEGUAM.

Tapi PARA PETANI masih juga membayar sewa kepada tuan tanah



Banyak negara-negara baru telah muncul di Eropah pada permulaan tahun 1600. Sebelum itu, Eropah hanya terdiri dari negeri-negeri kecil. Sempadan negeri-negeri kecil ini di mansuhkan untuk membentuk negeri yang besar (seperti yang di tunjukkan di dalam peta ini, Jerman dan Itali belum lagi muncul sebagai negeri ketika ini).



Peniaga-peniaga dapat menjalankan perniagaan mereka dengan bebas dalam tiap-tiap negeri. Adalah baik jika para saudagar mempunyai sempadan negeri masing-masing terhadap saudagar-saudagar asing.

Selamat semoga Tuhan memelihara negeri kita

Sekarang, kita boleh menggunakan askar-askar kerajaan bagi membantu kita menjayakan perniagaan kita di Asia dan Amerika



PADA MULANYA, HANYA TUAN TANAH YANG MEMPUNYAI KUASA. SEKARANG PENIAGA-PENIAGA JUGA TELAH BERKUASA. KEBANYAKAN MEREKA TIDAK ADA TANAH. GOLONGAN KITA LAH KAUM PETANI YANG SEBENARNYA MEMBIAYAI MEREKA.



# PENCURI dan PENTENAYAH



Tuan hakim ini tinggal di sebuah bandar pelabuhan yang besar. Beliau menjadi kaya raya dan mempunyai banyak saham dalam berbagai-bagai syarikat kewangan yang merampas, memburu, merompak dan merogol di seluruh pelusuk dunia. Tiap-tiap kali pulang ke tanah air, syarikat-syarikat ini akan membawa banyak keuntungan. Tuan hakim yang kaya ini terus hidup mewah. Keka-yaannya dibina di atas tumpahan darah beribu-ribu orang yang tak berdosa di Afrika, Asia dan Amerika.

Bagaimanapun, hakim laknat ini nasib juga bernasib baik kerana walaupun kemewahan hidupnya dibina di atas kegiatan orang lain yang merompak, menyamun dan mencuri untuknya, namun, dia tergolong dalam satu golongan yang berkuasa. Golongan ini mempunyai kuasa bagi menentukan yang benar dan yang salah.




Sebagai Contoh:

Hakim yang kaya ini ditugaskan menggubal undang-undang dan menentukan hukuman berat dijatuhkan ke atas orang-orang salah. Suatu hari, seorang anak muda yang gagah dan berhati mulia telah didapati melakukan kesalahan. Ibu bapa John telah lama bekerja dengan seorang tuan tanah, dan tuan tanah dari masa ke semasa telah menaikkan sewa tanah. Satu ketika, ibu bapa John tidak sanggup lagi menjelaskan sewa yang telah mahal. Lantas mereka dibalau keluar rumah, dan terpaksa mengemis untuk menampung kehidupan John yang pada masa itu berumur satu tahun.

Bapa John ditimpa sakit, lalu menemui ajalnya berikutan satu wabak demam panas yang menyerang para pengemis. Setelah kematian ayahnya, ibu John berpindah ke bandar pelabuhan tempat tuan hakim ini tinggal. Ibu John tinggal di sebuah kawasan rumah baram bersama-sama pengemis yang lain. Desakan hidup memaksa beliau menjual John kepada seorang saudagar kaya yang ingin mengambil John sebagai budak suruhannya. Ketika itu John berumur sebelas tahun. Tidak ada perasaan belas kasihan di hati saudagar ini. Apa yang diperolehi oleh John sebagai upah hanyalah semangkuk sup dan sebuku roti sehari. John tidak berani mempersoalkan perkara ini dengan tuannya.

Suatu hari, apabila John telah dewasa, dia bertemu kembali dengan emaknya yang sudah tua. Ibunya datang dengan barapan dapat bertemu John di gudang tempat John bekerja. Dia menyesal sepanjang hayatnya kerana telah menjual anaknya semata-mata kerana wang. Sekarang pengemis ini datang untuk menemui anaknya, mungkin kali terakhir sebelum mengembuskan nafasnya yang akhira. John dapat merasai penderitaan emaknya yang sangat miskin ini, dan serentak itu juga terbayang akan kemewahan hidup saudagar tersebut. Perasaan benci memenuhinya. Malam itu dia masuk ke rumah saudagar, lalu mencuri sebuah mangkuk perak. Esoknya dia menjual mangkuk tersebut untuk mendapat sedikit wang bagi membeli ubat untuk ibunya.



Nasibnya kurang baik. Kecurian tersebut akhirnya diketahui juga. John ditangkap dan ditempatkan di dalam bilik tabanan polis yang gelap dan busuk. Dia tidak bertemu ibunya lagi. Mungkin ibunya meninggal pada malam yang sama. John dibadapkan ke mahkamah. Dia terpaksa mendengar tuduhan yang panjang lebar yang dia sendiri kurang faham. Kemudian tuan hakim pula memberikan ucapan dan menjatuhkan hukuman. Anak muda ini adalah seorang penjenayah, pencuri yang paling merbahaya, dan satu penghinaan kepada masyarakat. Dia juga telah tidak menghormati hak milik perseorangan. Dia dibukum penjara seumur hidup. Syukur juga dia tidak dibukum gantung.



Begitu keadaan di zaman itu, dan begitu jugalah keadaannya pada hari ini. Perompak-perompak besar yang menjadi kaya raya dari hasil ugutan dan pembunuhan dilepaskan tanpa menerima sebarang hukuman. Mereka disifatkan sebagai bijak dan layak menerima penghormatan masyarakat. Akan tetapi kecurian-kecurian kecil yang hanya bertujuan sekadar menyambung nafas setelah tanah dan rumah mereka di rampas, dianggap sebagai satu jenayah berat, dan ditaban di dalam penjara. Pencuri-pencuri kecil menerima hukuman penjara, sedangkan perompak dan pembunuh terbesar memerintah negara.



\*Sambung bulan depan



**LAUT**

**Pertemuan  
di mana biruan dan putihan  
merupakan tali-tali tidak terputus  
bersama-sama khazanah yang tidak terpuput**

**pusat-pusat penyambungan nyawa  
bersama lalu-lintasan  
daging-daging dan tulang-tulang tidak akan terbang  
dan amat berharga dan bertambah**

**tapi menjadi punca bunuh-membunuh,  
ideologi fahaman  
hasad-dengki bersama-sama Nato, Warsaw . . . . dll  
luasnya sejauh mata memandang  
tapi kakiku diikat  
bersama dengan undang-undang akta-akta, seksen-seksen  
bahagian-bahagian . . . . dll**

**engkau diberi nama senang dikenali  
dan dibahagi sesama manusia walaupun sedarah**

**dada tercemar dan dicemar oleh kemodenan manusia  
minyak, asid-asid kotoran yang mengancam kelazatan hidup  
punca dan penamat adalah engkau  
setitik terbang  
sejuta dahaga**

**Abdul Malik Mustafa  
Datuk Keramat**

# *lumpuhnya sebuah* **KESATUAN**

kaulah teraju harapan  
kaulah pemulih keluhan  
kelahiranmu ditatang manja  
disusuk dengan helaian mawar  
dari tangan berbalur rupa

kau berpecah  
bukan kerana duniamu dicengkam  
kau berpisah  
bukan kerana persaudaraanmu tidak kekal  
sebaliknya  
kau menggelabar bila cabar menentang  
sadarlah  
kau berjuang di medan pinjaman  
kau dilahirkan dengan samar perjanjian

oleh itu, kau tetap tergadai di dalam  
kelopak nafsumu  
dengan itu, kau tetap terkulai di dalam  
lembah perkauman, kebendaan dan  
pencabulan  
maka itu, kau tetap dijual-beli di dalam  
gelombang pasaran  
justru itu, kau sudah lumpuh sebelum  
kau tumbuh

wahai saudara berkesatuan  
sebelum kau mendedahkan lagi pekungmu  
untuk dinodai oleh lalat penindasan dan  
lintah masyarakat  
sebelum kegagalanmu dialu-alukan  
duduklah . . . seketika  
tanyalah sendiri . . . mengapa kau begini

jika perjuanganmu sempit  
jika penganalisanmu cetek  
beljarlah lagi dari sejarah  
kerana itulah pendinding diri  
semoga kau kembali mengenal hargadiri  
semoga kau tidak mengabaikan rakyatmu  
yang masih ternanti-nanti

dari pekerja yang dahagakan haluan  
(sanir)  
Jun 80

## SAKSAMA

Seandainya.....  
dapat kau leburkan  
gunung-gunung yang Tancap  
hingga  
bumi menjadi datar

Akan tercapailah  
istilah saksama antara hamba  
tanpa mengira  
cerah warna mereka  
atau pudar cahayamu

Kerana.....  
kau atau mereka  
dari rumpun nan satu  
lalu  
bercambah mengikut puak dan tradisi moyangmu

Setelah itu.....  
segolongan menyisih tinggi  
emas permata, taraf persamaan  
darjat keturunan, jadi ukuran  
maka wujud benteng perbezaan

Adilkah.....  
kalau golongan ini tidak menindas  
amankah.....  
kalau golongan tertindas enggan mendesak  
Ancaman!  
Lidahmu pasti kelu.

Mausoleum pahlawan.....  
tidak perlu mengemis darah soldadu  
musuh akan keluar berpusu-pusu  
rimba bukan lagi medan perjuangan  
akan terkuburlah persengketaan

Aneh.....  
konsep luhur diperlaung-laungkan  
dari segelintir antara yang banyak  
kerana jiwa belum menerima ism suci  
saksama masih sebuah Illusi.

11 Januari 1980  
(Zali Almiyah Ahmad)  
11.00 malam.

# BEDAH PELAYAN

H.A.H

'Dari mana dan hendak ke mana engkau ini, Leha?' tanya Zubaidah kepada adik saudaranya, Zaleha, yang sedang menghampiri kedai makanannya di Jalan Munshi Abdullah. Zubaidah kebetulan sedang berada di kaki lima Restoran Zubaidah dan sedang mengawasi pembantu-pembantunya mencuci simen. 'Si Ramlan engkau ini bersempuras, macam tidak kena air tujuh hari. Dan Rohani, oh! sayang begini selekeh emak engkau diaman engkau. Apa hendak jadi engkau ini, Leha?'

'Saya ke rumah kakak tadi. Kakak tidak di sana. Lalu saya terus datang ke mari,' jawab Zaleha tersipu-sipu.

'Engkau tahu kakak di kedai ini dari subuh hinggalah ke larut malam. Mengapa cari di rumah?' tanya Zubaidah dengan menekan suara sedikit.

'Saya ke sana kerana saya kira akan dapat berjumpa dengan kakak di rumah. Lebih baik kalau saya dapat bercakap dengan kakak di sana.' kata Zaleha sambil memegang tangan kanan Ramlan anak sulungnya yang berumur empat tahun, dan mengelek Rohani yang berusia kurang sedikit tiga tahun.

'Kalau hendak bercakap, di sini lebih baik. Sambil berbual, kakak dapat juga memerhatikan perniagaan. Apa yang hendak engkau ceritakan? Aku lihat, engkau betul kurus sekarang ini, dan engkau ini macam orang cemas nampaknya. Apa sudah jadi?'

'Saya memeng betul cemas, kak. Sudah lama saya begini, terpaksa bersabar dan menahan perasaan. Saya tidak tahu hendak mengadu di mana. Sebenarnya, saya tidak tahu apa hendak buat.' jawab Zaleha dengan perlahan. 'Malam tadi baru saya teringat yang kakak mungkin boleh menolong saya.'

'Mari, mari masuk ke dalam. Kita boleh berbual-bual di belakang, di hadapan sini selalu sibuk.' Zubaidah mengajak lalu mendahului Zaleha serta anak-anaknya ke arah dapur. Ia meneruskan kata-katanya sambil berjalan, 'kakak bukan peguam, dan kedai kakak ini bukan juga Biro Guaman. Kakak cuma tauke kedai makan. Bagaimana kakak hendak menolong?'

'Saya tidak perlu dengan peguam, kak, kerana saya tidak bertujuan hendak bertarung dalam mahkamah. Saya tahu perkara saya ini tidak boleh diselesaikan di sana.' Zaleha berhenti sejenak dan terus berkata, 'Saya cuma hendak mencari fikiran dahulu. Untung-untung, boleh mendapat jalan yang baik untuk mengatasi kesulitan saya ini. Sekaran ini saya risau betul, kak.'

Oh, kalau itu sahaja yang engkau cari, tidak menjadi masalah. Mari kita duduk di balai ini. Zubaidah terus

duduk di tepi balai itu lalu menyambung, 'Kita boleh bercerita panjang-panjang di sini. Kakak katakan engkau mahu bantuan yang lain. Engkau orang berniaga, banyak masuk banyak juga yang keluar. Ada kalanya lebih banyak yang keluar, dan banyak pula yang berhutang. Tetapi, kalau engkau hendak cari nasihat, atau pun petunjuk, atau, apa yang engkau kata tadi, fikiran, kakak tiada keberatan. Kakak sungguh banyak pengalaman, terutama sekali pengalaman yang pahit-pahit.'

'Saya khawatir saya akan mengganggu kakak. Saya tahu kakak sentiasa sibuk.' Zaleha berkata sambil meletakkan Rohani di atas balai itu. Selepas itu ia sendiri duduk di sebelah Rohani. Ramlan pula naik duduk berdekatan dengan adiknya.

'Tidak, tidak. Engkau tidak mengganggu. Kakak boleh menjalankan urusan dari sini. Lagi pun hari ini tidak berapa sibuk kerana semua pejabat tutup. Kalau hari yang lain, kakak tidak duduk buntut dibuatnya.' Memandang pula ke hadapan kedai, Zubaidah berteriak, 'Timah, engkau tolong jaga di hadapan, aku ada urusan di sini.' Dan, menoleh kepada Zaleha serta anak-anaknya, ia bertanya, 'Engkau orang ini sudah makan atau belum?' Sebelum Zaleha dapat menjawab, Zubaidah sudah berteriak kepada Zaitun di dapur, 'Ton, bubuhkan nasi untuk Leha serta budak-budak ini.'

'Kami sudah makan di rumah tadi, kak,' kata Zaleha. Ramlan dengan lekas berteriak. 'Lan belum makan lagi, Mak. Lan lapar.'

'Engkau tak usah bohong dengan aku. Aku tahu engkau belum makan lagi. Budak-budak ini engkau belum beri apa-apa dari pagi.' Dan menoleh ke dapur, Zubaidah berteriak, 'Gorengkan telur dan beri budak-budak ini makan dahulu.'

'Saya anak-beranak menyusahkan kakak sahaja,' Zaleha berkata sambil menarik nafas panjang.

'Tidak mengapa, dik,' Zubaidah berkata dengan lekas lalu menyambung, 'Ini engkau, kelmarin hari kakak.'

Sejurus kemudian Zaleha berkata dengan perlahan, 'Kalau tidak membosankan kakak, saya hendak bercakap dengan kakak tentang keluarga saya.'

'Aku dengar, engkau dengan Jamil hendak berumah sendiri. Itu yang bagus sekali. Tinggal di rumah sewa macam umang-umang.'

'Tidak, kak. Tidak begitu.' Dengan lekas, Zaleha memotong.

'Apa, Jamil hendak ajak engkau pindah ke Dungun? Jangan, jangan ikut tinggal di sana. Hujan emas di negeri

orang, mana sama hujan batu di Melaka kita. Buat rumah di sini. Kakak boleh carikan tukang yang baik. Kontrek yang buat rumah kakak dahulu itu cukup baik serta bertanggungjawab. Tetapi, kakak fikir, lebih baik engkau beli tanah engkau sendiri dahulu. Buat rumah di atas tanah pesaka nanti gaduh kemudian hari.'

'Tidak, kak. Saya tidak ada duit untuk membeli tanah. Membuat rumah, jauh sekali.'

'Duit senang cari, dik oi. Jamil boleh ambil lon, kata Zubaidah dengan lekas. 'Kalau engkau hendak cari tanah tapak rumah, Mak Tijah hendak jual tanah. Dia hendak naik Haji tahun ini. Kalau engkau betul-betul hendak, kakak boleh jalankan. Sama engkau kakak tidak mahu komisyen, kakak tolong dengan percuma sahaja.'

'Bukan, kak. Saya belum ada rancangan hendak membeli tanah.'

'Kalau bukan hendak beli tanah, bukan hendak bikin rumah, apa masalah engkau ini?' tanya Zubaidah dengan agak keras sedikit.

'Saya segan hendak bercakap, kak.'

'Sama kakak engkau segan?'

'Bukan, kak. Si Jamil sudah kahwin lagi satu.'

'Apa??? Jamil sudah kahwin lagi satu???' Zubaidah bersuara dengan keras dan berhenti sejenak. 'Engkau cakap betul-betul. Jamil, pijak semut tidak mati, kahwin lagi satu? Kakak tidak percaya.'

'Betul, kak. Saya tidak bergurau, kak. Ramai sudah tahu. Tetapi, saya belum bertemu lagi dengan perempuan itu. Dia orang Kesang dan bekerja sebagai kerani di Pejabat Daerah Jasin.'

'Wah, diam-diam lepu rupanya si Jamil. Kakak tidak menyangka. Boleh jadi Jamil sudah naik pangkat, tambah gaji, sudah boleh berbini dua. Ini masa, engkau tahu, banyak orang lekas naik pangkat.'

Entahlah, akk. Saya tidak dengan berita Jamil sudah naik pangkat. Dia kerja macam dahulu, di tempat lama juga. Dan saya tidak fikir gajinya sudah bertambah.'

'Barangkali hendak naik pangkat tidak lama lagi, tak?'

'Setahu saya, tidak, kak.'

'Bila dia nikah?'

'Sudah kira-kira tiga bulan, kak. Tetapi, saya baru ini tahu.'

'Pandai betul si Jamil menyimpan rahsia. Kakak pun tidak dengar desas-desus apa-apa di sini.'

'Waktu dia nikah, kak, saya tidak diberitahu. Saya tidak ditanya pun, dan saya sendiri tidak memberi persetujuan saya. Kalau saya ditanya, kerat tujuh sekali pun saya tidak akan setuju. Ini, tiba-tiba saya dengar dia sudah nikah. Apa saya hendak buat, kak? Itulah sebabnya saya sungguh-sungguh hendak berjumpa dengan kak.'

'Itu pasal, bila orang kita setelah mendapat persetujuan serta tanda-tangan isteri pertama sahaja baru seseorang boleh kahwin lagi satu, kakak haram tidak percaya. Orang lelaki memang bijak. Merekalah yang membuat undang-undang dalam negeri ini—satu—dua

perempuan yang ada itu menjadi perisai sahaja. Jadi, mereka sediakan lubang-lubang dalam undang-undang itu untuk mereka mencelah. Kalau tidak boleh memutarbelitkan undang-undang, mereka gunakan wang-ringgit pula—mereka yang berkerja dan mereka yang ada duit. Tidak jalan dengan wang-ringgit, mereka menipu-helah atau memujuk—rayu—ada yang mengambil cap jari isteri di waktu si isteri tidur nyenyak. Kalau ini pun tidak berjaya, mereka sanggup berhijrah ke Selatan Siam.'

'Saya sama sekali tidak fikir yang keadaan serupa ini boleh terjadi terhadap diri saya sendiri.' Zaleha berkata sambil mengeluh. Ia menyambung lagi, 'Di waktu saya anak dara, kak, banyak orang melamar saya. Saya tolak mereka semua. Saya terima Jamil kerana saya yakin kita akan sehidup—semati. Jamil tidak putus-putus bersumpah, kak. *sanggup bersama menempuh lautan api, sanggup bersama dilanda ombak yang besar*, dan telah berikrar tidak akan memadukan saya.'

'Bagaimana boleh dia bertukar corak—berpendirian lain orang sekarang?' Zubaidah berhenti sejenak melihat Zaitun membawa hidangan makan. Setelah pinggan mangkuk nasi lauk disaji betul-betul, Zubaidah menyambung kata, 'Mari kita makan. Makan, nak, makan kenyang-kenyang.'

Oleh kerana sangat lapar, Ramlan dan Rahani tidak lengah-lengah lagi memulakan makan. Zaleha, sebaliknya, meneruskan ceritanya, 'Mula-mula, Jamil sekali-sekala balik ke rumah jauh-jauh malam. Puas saya menunggunya. Bila ditanya, dia menunjukkan kebengisannya. Kemudian, selang malam dia balik larut malam. Bila saya bising, dia memberi alasan: Ada *meeting* dengan orang Kuala Lumpur: Ada *overtime* kerana hendak siapkan *report* yang mustahak; atau, ada jamuan meraikan tetamutetamu dari Pusat. Akhir-akhir ini pula, sekali—sekala dia tidak balik langsung. Bila saya tanya, ada sahaja jawabnya: Ikut melawat projek.'

'Mentang-mentang ada banyak rancangan-rancangan pembangunan sekarang ini, dia gunakan kesibukan negara untuk kepentingan dirinya sendiri—dia gunakan betul-betul,' Zubaidah mencelah.

'Saya mula-mula tidak syak langsung. Kerani biasa, kak, mana mampu beristeri dua? Perbelanjaan rumahtangga tidak dapat ditandingi betul-betul. Kami tidak dapat beli motokar, *secondhand* pun tidak mampu. Lain Omar, dia ada hasil getah sendiri. Jamil cuma dapat menunggang skuter sahaja. Ini pun, berhempas-pulas bila hendak beli minyak motor. Saya berfikir, siapalah hendak duduk di belakang skuter buruk, lebih-lebih lagi skuter orang yang sudah beristeri serta mempunyai dua mangkuk tingkat?'

'Itulah engkau, lepaskan layang-layang tidak mahu pegang tali kuat-kuat. Dia bermaharajalelah!'

'Tidak begitu, kak. Kalau harapkan Jamil sahaja, tentu tidak boleh jadi. Saya masak betul dengan perangai si Jamil itu. Dia pendiam. Dia pemalu. Dia tidak setia



terhadap keluarganya.'

'Kalau Jamil alim dan setia kepada anak isteri, bagaimana boleh jadi begini? Tetapi, sekali kita fikir pula, orang-orang alimlah selalu berbini tiga dan empat. Alasan mereka, mereka mengikut sunnah Nabi.'

'Jamil berubah begitu, kak. Mula-mula dia masukkan telefon di rumah. Saya bertanya, buat apa? Kita tidak perlukan telefon. Siapa hendak panggil kita? Kalau panggil, hendak apa? Bagaimana hendak bayar bill bulannya? Dia jawab: Oleh kerana gaji kecil, dia terpaksa buat *business*, hendak menambah pendapatan. Saya terpaksa diam, tetapi, hati kecil bertanya juga—mana datang modal?'

'Engkau ini, Leha, biarlah berpatutan. Masuk telefon, apa salahnya? Kita hidup sekarang ini dalam dunia moden. Ada telefon tidak payah ke hulu ke hilir lagi. Contact dengan telefon sahaja. Bayarannya tidak seberapa. Kakak sendiri sudah lama pasang telefon.'

'Kemudian, kak, dia bawa balik motokar-motokar baru! Saya sangka dia pinjam. Sampai begitu bodoh sekali saya ini—siapa hendak beri pinjam kereta baru? Telan bara, dia tidak mampu beli kereta—baru atau pun yang sudah dihukum tembak. Bila dia selalu bawa balik kereta itu, saya sudah mula menaruh syak. Suatu malam, sedang dia nyenyak tidur, saya buka kereta itu perlahan-lahan. Dalam saku kereta itu, saya dapati geran serta insuran kereta itu. Kakak tahu, geran serta insuran atas nama Jamil!'

'Engkau ini, alasan itu sahaja sudah syak Jamil bukan-bukan. Beli secara ansuran bulanan mestilah atas nama si pembeli.' Menoleh kepada anak-anak yang sedang makan itu, Zubaidah berkata, 'Makan nak. Habiskan telur itu. Ayah kamu sudah kena ekor atau pun *lottery*.'

'Hendak kena *lottery*?' sahut Zaleha. 'Hendak beli tiket *lottery* pun tidak ada hasil.'

'Apa dia kata bila engkau tanya pasal motokar?'

'Dia senyum kambing sahaja. Bila saya desak lagi, dia cuma kata, 'Kalau sudah badan bertuah, jatuh ke laut menjadi pulau.'

'Aku tidak tahu dia pandai bermadah.'

'Jamil ada pelawa saya bersama budak-budak ini pergi makan satay di Padang Bandar Hilir. Si-muka-tidak-malu ini nyampang orang ajak sahaja sudah *pusing* di hadapan. Malam itu dia belanja betul-betul. Kita makan saya, sotong bakar, soup ayam dan *leng-chee-kong*. Dia belikan juga mee-hailam untuk bawa balik.'

'Oh, sungguh bijak dia hendak menyejukkan hati,' dengan lekas Zubaidah berkata. Sejurus kemudian dia bertanya, 'Engkau mengapa tidak makan lagi, Leha?'

'Saya tiada nafsu hendak, kak.' Kemudian Zaleha tiada lengah-lengah lagi meneruskan ceritanya. 'Tidak berapa hari selepas jamuan satay, dia bawa perempuan itu ke rumah mertua saya. Saya dengar emak si Jamil bukan main sambut lagi. Ada jamuan besar dan kenduri pun. Saya langsung tidak dijemput. Bila mertua saya datang ke rumah saya dua hari kemudian, dia puji menantu barunya melangit. Dia kata, perempuan itu ada pangkat, gaji besar, banyak barang-barang kemas, ada tanah nama dia sendiri, ibu-bapa banyak harta, *pass* sekolah Inggeris dan pandai berbudi-bahasa. Bosan saya mendengarnya. Dahulu bila dia datang meminang saya, dia puji saya sekampung. Sekarang dia sudah berubah lagu. Saya tidak faham orang bermuka-muka macam ini.'

'Kebanyakan mertua serupa itu, Leha. Mereka pentingkan anak mereka sahaja dan memandang isteri itu sebagai alat untuk memberi kesenangan kepada anak mereka. Sekiranya ada dua menantu pula, mereka bandingkan siapa yang lebih menguntungkan anak mereka.'

'Jadi, kita ini cuma menjadi alat untuk kesenangan anak mereka. Kita tidak ada hak. Tidak ada perasaan. Tidak ada perhitungan dalam hidup bersama?'

'Baru engkau sedar?' kata Zubaidah dengan pantas.

'Apa si Jamil kata tentang mengambil isteri kedua?'

'Kepada dia, mudah sahaja. Kata dia, si Osman kahwin dua, si Omar ada tiga, si Tajuddin baru dua, dan banyak contoh yang lain lagi. Nabi Besar kita beristeri empat.'

'Memang benar, kita menggunakan *alasan mampu atau tidak dan boleh berlaku adil atau tidak* untuk menyekat mereka dari beristeri lebih dari satu. Tetapi mereka pula menunjukkan bahawa masyarakat tidak melarang mereka berbuat demikian,' kata Zubaidah dengan menegaskan perkataannya satu persatu.

'Kejam sungguh masyarakat serupa ini.'

Zubaidah bertanya pula, 'Apa terjadi selepas itu?'

'Lepas itu, kejam-kejam si perempuan itu telefon Jamil suruh balik ke Jasin. Si Jamil pula, bila dapat panggilan, terus tukar baju, *start* kereta dan lesap dua tiga hari. Satu hari dia telefon di waktu Jamil tiada di rumah. Saya jawab telefon itu. Dia tiada hormat langsung. Dia pakai engkau—aku sahaja. Dia kata, telefon di rumah saya itu dia masukkan. Kereta yang Jamil pakai itu dia belikan. Dan minyak kereta itu dia tuangkan. Jadi, saya tidak boleh naik kereta itu dan tidak boleh pakai telefon.'

'Wah, garang sekali. Engkau tidak sorakkan dia dalam telefon? Engkau tiada kata, *telefon dalam rumah aku, aku yang punya, kereta nama laki aku, aku yang punya, engkau pencuri—pencuri laki orang.*'

'Saya terpaksa sabar, kak. Saya tiada tempat hendak pergi. Saya tidak mempunyai pekerjaan, tiada pendapatan sendiri. Jadi, saya terpaksa melihat sama ada Jamil boleh bersikap adil, boleh berdiri sama tengah dan tidak menghina-hinakan saya. Saya mahu tahu sama ada Jamil sudah tidak mahukan saya lagi.'

'Macam itu, si Jamil sudah nyata sebelah si betina itu,' kata Zubaidah dengan keras.

'Dia sudah kena cekuk, kak.'

'Kakak tidak percaya si Jamil sudah kena cekuk. Sebenarnya kakak tidak yakin dengan ilmu-ilmu itu. Cara ini digunakan dalam zaman datuk-nenek kita dahulu. Dalam zaman moden kita ini, orang gunakan *sains, teknologi dan psikologi*. Kakak nampak betina ini cukup bijak. Mula-mula dia tumpukan perhatiannya untuk memikat Jamil. Kalau dia sudah lama kerja, dia sudah, kata orang, lanjut umur. Jadi, sudah termasuk hitungan anak dara tua. Menunggu orang muda serta bujang datang memiming, semakin lama semakin tipis. Oleh itu, terpaksa mencari pula. Setelah Jamil menjadi idamannya, dia mulalah menggunakan psikologi. Kakak percaya kata-kata macam *darling, sayang, manja, buah hati, payung* dihujani ke atas *orang muda kita*. Si Bodoh itupun tidak sedarkan dirilah.'

'Kakak tentu tahu.'

'Untuk melemahkan lagi orang muda kita, dia gunakan pula senjata wang-ringgit. Dia masukkan telefon—si Tolol kita berasa megah. Kemudian, dia belikan tie, belikan baju, beri duit poket dan terus belikan kereta baru. Si Bahlol kita sudah dipunyai—semangat, jiwa serta tubuh badan sekali. Tidak payah dicekuk lagi.'

'Betul, betul kata kakak itu.'

'Dia tidak berhenti di situ. Dia tuju emak si Jamil pula. Kakak tidak hairan kalau emak si Jamil sudah dapat hadiah kain batik, beg tangan, tikar sembahyang ataupun baju kurung labuh.'

'Patutlah orang tua itu pameran beg tangan barunya masa datang ke rumah saya.'

'Akhir sekali, engkau menjadi sasarannya. Dia tahu, sebagai isteri nombor satu, masyarakat menganggap engkau lebih tinggi dari dia. Jadi, dia terpaksa berusaha untuk menukar tafsiran ini. Dia mahu engkau sedar bahawa dia bekerja, engkau tidak: dia ada pendapatan sendiri, tetapi engkau terpaksa bergantung dengan orang; keluarganya kaya, engkau keluar dari perut miskin; dia pass orang putih, engkau apa tahu. Dengan cara ini engkau terpaksa pandang dia tinggi kerana engkau bukan setaraf dengannya. Dan masyarakat yang memandangi tinggi yang berada akan bertukar menyebelahnya. Jadi, engkau terpaksa beralah, sekali pun suami engkau diambil orang.'

'Tepat betul kata-kata kakak itu.'

'Kakak memang tahu cara mereka dan kakak tahu apa yang manis di sisi masyarakat. Bukankah kakak kata tadi kakak ada banyak pengalaman. Kalau kakak sendiri mahu ambil laki orang, kak akan berusaha lebih hebat lagi. Kerja kuat-kuat, kumpul wang banyak-banyak, kerana dengan wang ringgit, cita-cita kakak akan tercapai.'

'Sekarang ini saya terpaksa mengaku perempuan itu sudah berjaya. Nampaknya, saya terpaksa diaman diri sahaja.'

'Jangan, jangan. Jangan sekali-kali engkau bersikap itu. Engkau akan merana, kurus-kering macam lidi penyapu.' Zubaidah berhenti seketika dan kemudian bersuara ke dapur, 'Ton, cucikan tangan anak-anak ini dan beri mereka pisang.'

'Apa saya hendak buat, kak?'

'Engkau balas serangan. Engkau jangan membekukan diri. Engkau serang balik, ketiga-tiga sekali gus. Kalau engkau diam, betina itu akan naik tocang. Dia akan suruh Jamil serumahkan dia dengan engkau. Jamil dan dia akan bekerja. Engkau boleh jadi tukang masak, tukang cuci, amah serta orang bersih kereta!'

'Baik saya bunuh diri.'

'Engkau ini macam orang tidak beriman. Baru dengar susah sedikit hendak bunuh diri. Orang beriman hendaklah sabar. Kemudian cari jalan melepaskan diri.'

'Saya tidak tahu apa hendak buat, kak. Sebelum saya kahwin saya tidak apa-apa. Ibu saya ajar suruh taat setia kepada suami. Apa sahaja dia buat saya mesti sabar kerana dialah penghulu saya. Di rumah saya sembahyang dan membentuk cita-cita saya supaya cocok dengan kemahuan suami saya.'

'Cerdik betul si Jamil. Engkau sembahyang, tetapi dia main kayu tiga di luar.'

'Dahulu, kak, Jamil beri saya \$100 sebulan, wang pasar. Tetapi, satu-dua bulan ini saya hanya dapat \$50 sahaja. Bila saya minta, dia jawab tidak ada duit. bagaimana saya hendak belanja? Kain baju saya sendiri sudah lusuh. Budak-budak ini saya tidak dapat belikan apa-apa pun. Kalau saya ada duit, saya hendak belikan mereka kasut baru serta baju tidur. Pakaian mereka sudah sempit.'

'Kalau dia sudah potong gaji engkau, sedangkan engkau tidak melakukan kesalahan apa-apa, engkau sudah boleh 'mogok'! kata Zubaidah.

'Saya sudah beritahu sama dia. Kalau begini susah, ambillah anak dia kedua-dua sekali, kerana saya mahu keluar kerja sekarang ini. Dia tanya apa kerja saya hendak buat. Saya katakan saya hendak kerja jadi pelayan. Dia kata, '*Siapa hendak pakai engkau jadi pelayan, banyak cantik rupa engkau?* Saya jawab, '*Kalau tidak cantik takkan abang ambil saya buat isteri.*'

'Bagus, bagus. Jawab sama dia.'

'Saya beritahu sama dia yang saya sudah dapat kerja

di Motel Pengkalan Perigi. Bila dia dengar bahawa saya sudah dapat kerja sebagai pelayan, dia naik *hot*. Dia kata dia tidak akan mengizinkan saya bekerja, lebih-lebih lagi bekerja sebagai pelayan. Menjadi pelayan, katanya, sama juga seperti menjadi pelacur—jual muka, jual maruah, jual diri.'

'Apa engkau jawab, dia menghina-hinakan pelayan. Dia tidak sedar yang dialah yang menyebabkan engkau terpaksa menjadi pelayan. Dia tidak mahu engkau bekerja kerana siapa hendak jaga kedua-dua anak ini?'

'Saya terus berkata, suka—tidak—suka saya akan bekerja. Kalau tidak suka, ambil anak-anak ini dan ceraikan saya.'

'Syabas, sayang. Itu macam kakak mahu. Apa pasal tidak kasi bekerja? Si Nombor Dua bukan bekerja, diambil sedang bekerja. Oh, mungkin dia bekerja di opis, jadi kerani; engkau pula hendak jadi pelayan. Mereka beza-bezakan pekerjaan. Jadi kerani, wangi; jadi pelayan busuk. Jadi pelayan kedai makan, busuk; tetapi jadi pelayan kapal terbang, wangi semula. Mereka cap pekerjaan mengikut suka hati mereka. Apa, kerani tiada *contact* orang, pergawati semuanya bersih belaka?'

'Saya tidak paham, kak. Saya hendak kerja tidak boleh, pelayan atau bukan pelayan. Dia boleh kahwin lagi satu. Macam ini dunia dia yang punya. Kita tidak boleh tegur, tidak boleh sapa, tidak boleh tentang, ikut sahaja kemahuan mereka. Mereka buat kita macam lembu!'

'Kakak dahulu kena buat lebih dahsyat lagi. Engkau barangkali tahu. Abang engkau dahulu itu—bukan abang lagi—jangan panggil abang, sebut Sial sudah. Di waktu kakak anak dari dahulu, bila dia datang melamar kakak, dia cukup sopan-santun, paling menghormati dan tidak pernah menggunakan perkataan yang kasar-kasar. Dia berjanji, dia memuji dan dia merendah diri. Dia berjanji hendak sehidup-semati dan tidak akan menganiayakan kakak. Pada suatu ketika, di waktu kita berdua di tepi

Selat Melaka, dia pernah berkata. *Dah, engkaulah penawar hidup bagi ku. Aku tidak boleh hidup tanpa engkau. Kepada ku, engkau umpama setitik embun di padang pasir.'*

'Hebat betul, kak. Agaknya mereka semuanya sama.

'Setelah lima tahun berlalu, mendapat dua orang anak macam engkau ini, janji-janji sudah dilupakan. Kakak sudah bertukar dari embun di padang pasir menjadi lumpur di Sungai Melaka.'

'Sama betul, kak.' Zaleha berkata dengan keras. 'Tidak maaf bagi mereka.'

'Tetapi, belum sempat si Sial itu hendak memberi malu kepada kakak dengan membawa kekasihnya yang baru ke rumah, kakak tinggalkan anak kakak yang perempuan dengannya dan kakak bawa Samdin balik ke Melaka. Bukan kakak tidak sayang anak, tetapi kakak sedar dalam keadaan itu, kakak tidak berupaya hendak membesarkannya. Itulah permulaan sejarah pahit bagi kakak.'

'Bagaimana kakak cari makan?'

'Kakak tinggalkan Samdin dengan neneknya, dan pergi mencari kerja. Kakak mula-mula bekerja sebagai '*orang gaji*' di rumah Cik Gu Daud dengan upahan sebanyak \$70.00, sebulan. Kakak dipaksa tinggal di rumah Cik Gu itu dan terpaksa kerja dari menyiapkan sarapan mulai jam 6.30 pagi hinggalah menghidangkan makan ringan di waktu menonton film akhir di T.V. Hanya orang-orang yang terdesak macam kakak sahaja akan menerima kerja sekejam ini. Oleh kerana pendapatan kecil, kakak terpaksa menelefon si Sial itu untuk perbelanjaan Samdin. Jawabnya selalu. '*Lagi-lagi hendak duit. Burit hang*'. Kakak tidak akan lupa penghinaan yang dahsyat ini.'

'Kakak tidak maki sama dia?'

'Tidak, kakak diam sahaja, kerana, macam engkau, kakak tidak tahu apa hendak cakap. Kakak bisu kerana, macam engkau sekarang ini, kakak bodoh. Oleh kerana





kita bodohlah yang mereka boleh tengking, maki tipu serta tinda kita sewenang-wenangya.'

'Lama kakak kerja sebagai orang gaji?'

'Kakak bekerja selama setahun sahaja. Kakak tidak sanggup gajinya, masa kerjanya serta perintah Cikpuannya. Selepas itu, kakak bekerja sebagai pelayan. Kakak sedar akan penilaian masyarakat terhadap pelayan. Tetapi, di mana ada pelayan, di situ terdapat ramai ketua-ketua masyarakat. Kalaulah syarikat kapal terbang tidak adakan pelayan-pelayan yang molek-molek, keuntungan mereka tentu sekali merosot. Jadi, pelayan itu hina, tetapi perlu untuk penghibur orang-orang atasan.'

'Betul, kak.'

'Kakak cuba mencari pekerjaan yang lain. Tetapi, kakak tiada pelajaran, tiada mempunyai modal dan tiada kenalan orang-orang yang berpengaruh. Jadi, pelayan sahajalah bagi orang-orang macam kita ini.'

'Susahkah kerja sebagai pelayan itu, kak?'

'Kerjanya tidak susah. Melayan orang-orang makan memang kerja kita, tetapi . . . .'

'Tetapi, apa, kak?'

'Tetapi, ada berbagai ranjau di tengah jalan. Kakak tidak kesah dengan kerja melayan. Yang menjadi masalah ialah pelanggan-pelanggan yang hendak dilayan. Berbagai jenis serta rupa datang menghurung tempat-tempat mempunyai pelayan. Ada yang bersikap bongkak dan ada pula berperangai seakan-akan kebodak-bodakan. Mereka bawa bersama *problem* masing-masing—masalah kewangan, masalah rumahtangga, masalah keluarga, masalah pejabat, masalah peribadi—dan ingin mendapat ketenteraman jiwa penghiburan semata-mata. Ada yang mahu ajak kita keluar, ada pula hendak ajak nikah, ada juga yang hendak menjadi penasihat, 'Mengapa tidak mahu berumahtangga betul-betul?'

'Betul-betul macam mana?'

'Kalau kita layan dia betul-betul, rumahtangga dia pula akan jadi tidak betul.'

'Pernah kakak dianiayai?'

'Itu terpulanglah kepada kita sendiri. Kalau tidak berjaga-jaga, apa sahaja boleh terjadi. Engkau patut tahu bahawa banyak orang memandangi pelayan rendah oleh kerana masalah kewangan yang mereka hadapi. Oleh itu mereka berani mengambil berbagai kesempatan terhadap pelayan-pelayan. Mereka menyangka, kalau ditabur dengan wang-ringgit dan disadur pula dengan kata-kata yang lemak-manis, apa sahaja boleh mereka perolehi. Dan kepada pelayan yang terdesak, pengaruh mata wang hebat sekali.'

'Mereka tidak marah kalau kita tidak ikut mereka keluar?'

'Kalau kita tidak ambil duit mereka, mereka tidak boleh kata apa-apa. Tetapi, kalau tiap-tiap malam diumpan dengan duit—ada yang sampai berpuluh-puluh ringgit banyaknya—siapa tidak panas hati? Dan bila mereka bawa keluar, selalu sahaja kereta mereka akan rosak di tepi

laut.'

'Patutlah kita lihat banyak kereta rosak di tepi laut tiap-tiap malam, terutama sekali pada malam minggu.'

'Selama lima tahun kakak bekerja dengan satu tekad sahaja, yaitu kakak mahu menuntun balas, melepaskan dendam. Kakak mengaku kakak tidak boleh lupakan si Sial itu, pedih sekali perbuatan kejamnya terhadap kakak. Dia ambil kakak dengan baik, tetapi kemudiannya dia campakkan kakak macam kasut buruk. Selama lima tahun kakak mengharungi pahit-maung hidup. Nyaris lagi terjerumus menjadi sampah masyarakat. Salah kakakah ini? Kakak tahu, tidak ramai yang mahu menyalahkan masyarakat. Tetapi, kakak kata, si Sial itu juga yang bertanggungjawab.'

'Dia salah, kak.'

'Ya, dia yang tidak boleh lari dari kekejamannya. Orang salah patut dihukum. Curi anak ayam kena enam bulan! Mengapa kesalahan ini tidak diapa-apakan? Masyarakat mengadakan persatuan untuk mencegah dari melakukan keganasan terhadap binatang. Mengapa tidak mencegah penghinaan terhadap orang-orang macam kita?'

'Apa cara kakak balas dendam?'

'Kakak bekerja kuat dan menyimpan wang sehinggalah kakak dapat menjalankan perniagaan kakak sendiri. Sekarang kakak tidak terdesak lagi dan masyarakat sudah menerima kakak kembali! Kalau kakak naik Haji pula, kedudukan kakak akan meningkat tinggi lagi.'

'Kakak kemudian berjumpa dengan si dia itu?'

'Si Sial itu! Ya, itu tujuan kakak. Pada suatu hari, kakak tutup kedai ini. Kakak tukar pakaian baru dan si Samdin kakak pakaikan seluar panjang, *bush jacket* dan cermin-mata hitam. Kakak *charter* teksi dan terus pergi ke pejabat si Sial itu di Kuala Lumpur. Setelah lima tahun berlalu, kakak rasa tiada malu-malu, tiada takut-takut lagi. Kakak masuk ke pejabat dan minta berjumpa dengan *Boss*. Kakak beri tahu *Bossnya* yang si Sial itu berhutang dengan kakak sebanyak \$3,600 kerana perbelanjaan membela Samdin selama lima tahun. Bila dipanggil, dia terperanjat melihat kakak dan Samdin.'

'Apa dia kata, kak?' Zaleha lekas-lekas bertanya.

'Dia tiada duit dan tidak dapat berkata apa-apa. Dia terkejut kerana dihadapannya berdiri Zubaidah yang baru—Zubaidah yang tidak lagi bodoh, tiada lagi hidup dalam ketakutan dan yang berani serta tegas. Dia tersentak pula bila Samdin berkata di hadapan *Bossnya*, 'Kalau Encik ini tiada duit, saya halalkan, tetapi jangan lagi menghina-hinakan emak saya.'

'Kakak tiada dapat apa-apa?'

'Kakak bukan mahu duit dia. Tiada pernah rasa lebih megah dari masa kakak turun dari pejabat itu dua beranak. Kami tuju mencari kakak si Samdin pula.'

Sejurus kemudian, Zaleha bertanya, 'Bagaimana saya?'

'Esok hari engkau mula bekerja sebagai pembantu kakak di sini.'

# THE FRONT PAGE

J.C. Huang

**A**lthough *The Front Page*, as a movie, did not make it to the front page of movie-goers' listings of worthwhile films in town, it is interesting for its frontal smack on dishonest politics, press distortion and biased reporting. It is such a shame that it has had a poor audience and a short run here, which is certainly not reflective of the important message portrayed by this film.

## Press Bias

The year is 1929. Earl Williams (Austin Pendleton), a weak and harmless looking lad, is unjustly convicted of murdering a policeman while distributing leaflets on the streets of Chicago. Biased reporting, from an unfriendly press, culminates in his death sentence by hanging. Only star reporter Hildy Johnsons (Jack Lemmon at his best) from the *Chicago Examiner* provides a less sensational and more sympathetic account of Earl's path to the hangman's noose.

On the eve of the hanging, all the reporters in town gather at the prison Press Room to witness the hanging at dawn. Only Hildy is missing and Walter Burns (Walter Mathau), the edgy editor of the *Examiner*, is at wits' end trying to locate his prize reporter to cover this much publicised hanging. Hildy finally turns up, in a neat three-piece suit, to announce his marriage to Peggy Grant (Susan Sarandon) who has arranged for him to take up a job as an advertising executive in Philadelphia. Burns is of course, all worked up over Hildy's quitting.

## Press Sensationalism

Meanwhile, at the Press Room, Molley Malloy (Carol Burnett), a

prostitute, lashes out at the reporters for falsifying and cruelly distorting the news about her romance with the convicted Earl. The reporters' fabrications and character assassinations cater to the public's craving for sensational news, while avoiding critical analysis of the pressing socio-economic issues of the times.

While celebrating his marriage plans with the other reporters in the Press Room, Hildy discovers the young upstart Rudy (Jon Korkes), hired by Burns to take his place. When pandemonium breaks out because of "Honest" Sheriff Hartman (Vincent Gardenia) and psychiatrist Dr. Max Eggelhofer (Martin Gabel) silly attempts at reenacting the gun wrestling scene during Earl's self defence against the policeman's brutality which led to his accidental death and Earl's conviction, Hildy finds that he has to take Rudy's place and feed information to Burns.

## Escape

Earl escapes and while the sheriff sends his men in all directions except the right one, Hildy encounters Earl in the Press Room. While trying to hide him to get a different version of Earl's story for


the *Examiner*, Hildy and Burns are discovered and arrested by the bungling Sheriff.

Earlier, Plunkett (Paul Benedict) has arrived with a pardon for Earl from the Governor. Although this is brought directly to the mayor, he nevertheless instructs Sheriff Hartman to proceed with the execution for his own political reasons. He covers this up by sending the naive Plunkett to a Chinese brothel. Plunkett is arrested at the brothel by the Sheriff's men and he gets put in a gaol cell next to Hildy and Burns. Burns and Hildy are released when the Mayor and the Sheriff realize that their conspiracy is uncovered. Earl William's life is saved.

Burns then orders the Mayor to delay the departure of the train to Philadelphia for Hildy to catch the distressed and sobbing Peggy. However, Burns double-crosses Hildy when he has him arrested for 'stealing' his gold watch after presenting it to him as a farewell cum-wedding gift.

The movie is a comedy with fast, catchy and witty dialogue. Behind this satire is a serious description of the press: sensational, unobjective, exploitative, flattery for the corrupted, contempt for the oppressed, with double-crosses all along the way. The alienating and degrading aspects of a reporter's career are well depicted, while truth is traded cheaply so that the reporters can earn their bread and butter. **NI**





# ***Dalil***

adalah jamtangan yang  
dicipta khas untuk kaum  
Muslimin dan Muslimat


Disamping memberi panduan waktu yang tepat, Dalil juga menunjukkan arah Kiblat dengan mudah — Dalil jamtangan buatan Swiss yang masyhor.

Lazimnya umat Islam disebelah sini berpandukan kebarat mengikut arah matahari terbenam bagi menentukan Kiblat. Dengan terciptanya 'Dalil' maka sekarang amalan itu tidak perlu dilanjutkan lagi.

Walau dimana-mana pun anda berada dan didalam apa keadaan sekalipun 'Dalil' boleh menunjukkan arah Kiblat dengan betul dan mudah. Zan dan waham akan hilang, tetapi yakin akan timbul.

Inilah satu-satunya jamtangan Swiss yang paling baru dicipta dengan rekabentuk yang istimewa dan menarek bagi umat Islam.


Dalil jamtangan yang luar biasa buaatannya — anti magnet, tidak calar, tahan gegaran dan tidak dioresapi air serta boleh dipercayai.



**Dalil** menunjukkan Kiblat  
membahagi tanggung:

TG — SYED KECHIK (S.E.A.) Distributors Sdn. Bhd. 7th Floor, Syed Kechik Foundation Building, Bangsar, Kuala Lumpur 22-16, Malaysia. Tel: 947106  
TG — SYED KECHIK (S.E.A.) Distributors Pte. Ltd. Suite 2003, 20th Floor, Shaw Centre, Scotts Road, Singapore 0922. Tel: 7373627.

# Rasa Perisa



Cemerlang laksana emas Benson & Hedges...  
rasa yang cukup bermutu di dunia

Dicipta dan disempurnakan oleh Gedung Benson & Hedges

AMARAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA:  
MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN